

BAB IV

PERANAN KESULTANAN MELAYU-BUGIS TERHADAP PERKEMBANGAN ISLAM DI SELANGOR SEHINGGA 1957 (SEBELUM MERDEKA)

Di dalam bab IV ini, penulis membincangkan secara khusus peranan Kesultanan Melayu-Bugis terhadap perkembangan agama Islam di negeri Selangor dan melihat setiap isu itu dari sudut pandangan Islam. Untuk tujuan itu, period pemerintahan Kesultanan Melayu-Bugis ini difokuskan hanya mulai tahun 1766 iaitu tahun di mana Raja Lumu dinobatkan sebagai Sultan Selangor sehingga tahun 1957 iaitu sebelum Selangor bersama Tanah Melayu merdeka daripada penjajahan Inggeris. Dalam jangka masa sepanjang 191 tahun itu, Kesultanan Melayu-Bugis telah menempuh dua era pemerintahan iaitu era pemerintahan mutlak Kesultanan Melayu-Bugis dan era pemerintahan kesultanan itu di bawah kuasa penjajah.

4.1. Era Pemerintahan Mutlak¹⁶⁰ Kesultanan Melayu-Bugis (1766-1874)

4.1.1. Peranan Kesultanan Melayu-Bugis Mendirikan Kerajaan Melayu Islam di Selangor

Sebelum 1766 Selangor tidak mempunyai sultan yang berdaulat yang berkerajaan di sana. Selangor ketika itu hanya merujuk kepada sebuah kawasan di Kuala Selangor yang dikuasai oleh orang-orang Bugis yang diperintah oleh Raja Lumu Ibnu Daeng Celak. Baginda telahpun dikenali sebagai Raja Selangor tetapi

¹⁶⁰ Mutlak bermaksud tidak terbatas (hak , kuasa dll), tidak bersyarat (tidak ada kecualinya),lihat Sheikh Othman bin Sheikh Salim et al (1989), *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: DBP, h.849 ; kekuasaan Kesultanan Melayu-Bugis berdiri secara mutlak, tidak tunduk kepada mana-mana kuasa sama ada Kesultanan Johor-Riau atau kerajaan Bugis, Sulawesi Selatan.

gelaran ini hanya merujuk kepada ketua kepada komuniti Bugis di Kuala Selangor saja.¹⁶¹ Pada ketika itu juga Selangor (Kuala Selangor) ialah salah sebuah jajahan takluk Kerajaan Johor-Riau¹⁶²

Raja Lumu Ibnu Daeng Celak merupakan seorang pemerintah yang dinamik dan berpandangan jauh, bercita-cita untuk mendirikan sebuah kerajaan berdaulat yang merdeka dan tidak tunduk kepada mana-mana kuasa. Untuk merealisasikan wawasan itu, baginda perlu dimasyhurkan sebagai sultan melalui istiadat pertabalan¹⁶³ daripada sumber yang sah. Ini perlu supaya baginda diakui oleh raja-raja Melayu yang lain sebagai Sultan yang berdaulat. Oleh itu Raja Lumu memilih Sultan Perak iaitu Sultan Mahmud Shah (Raja Kimas) yang diakui dari keturunan Kesultanan Melayu Melaka untuk menabalkan baginda sebagai Sultan Selangor pada tahun 1766 dengan gelaran Sultan Salehuddin.¹⁶⁴

Proses pertabalan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor telah dilakukan sebanyak dua kali. Pertama di istana Sultan Mahmud di Perak. Istiadat ini dilakukan di hadapan al-Quran, keris dan iringan muzik nobat, kemudian baginda dikurniai

¹⁶¹ Khoo Kay Kim (1972), *The Western Malay State 1850-1873*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 13

¹⁶² Winstedt, R.O (1934), "A History of Selangor", *JMBRAS*. Vol. XII, Pt. III, h. 3

¹⁶³ Istiadat pertabalan atau bertabal ialah proses mendaulatkan seseorang sultan. Dalam istiadat ini nobat dimainkan. Oleh itu upacara ini juga disebut upacara bernobat. Setiap raja atau sultan yang tidak bertabal adalah dianggap tidak sah – lihat Sheppard, M.C (1958), "The Nobat", *Malaya in History*. Vol. 4, Jan. 1958, h. 23

¹⁶⁴ M.A Fawzi Basri (1986), *Cempaka Sari: Sejarah Kerajaan Perak*. Ipoh: Yayasan Perak, h. 35

peralatan nobat¹⁶⁵ tersebut beserta cap mohor¹⁶⁶ sebagai tanda berdirinya sebuah negeri yang merdeka dan berdaulat.¹⁶⁷ Istiadat pertabalan yang kedua disempurnakan sekali lagi di Selangor (Kuala Selangor) setelah pulang dari Perak di hadapan semua rakyat baginda.¹⁶⁸

Tindakan Sultan Salehuddin itu tidak bersalahan dengan sistem pemerintahan Islam ketika itu yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja secara warisan.¹⁶⁹ Istiadat pertabalan itu juga bersesuaian dengan konsep *bai'ah* dalam proses perlantikan seorang imam/pemerintah. al-Māwardī dalam kitabnya al-Ahkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyāt al-Diniyyah, menjelaskan bahawa perlantikan seorang imam/pemerintah itu ada dua cara. Pertama, pencalonan oleh *ahli al-'aqd wa al-hal* (badan pemilihan) dan kedua, pencalonan oleh pemerintah yang terdahulu. Kedua-dua cara pemilihan ini mestilah melalui dua langkah pengesahan iaitu *bai'ah* khas oleh

¹⁶⁵ Nobat ialah satu orkestra muzik diraja yang dimainkan khusus ketika pertabalan seseorang raja Melayu. Ia mungkin diperkenalkan kepada Melaka dari Pasai apabila Parameswara memeluk Islam dengan mengahwini seorang puteri Pasai. Alat-alat muzik nobat ini (nobat berasal daripada perkataan Parsi – naubat yang bermaksud 9 item) mengandungi 8 instrumen iaitu satu gendang besar (gendang nobat), nafiri, 2 gendang negara, 2 serunai dan 2 gendang biasa. Dan item kesembilan ialah ketua nobat itu sendiri - lihat Shepperd, *Op.cit.* h. 22

¹⁶⁶ Raja Chulan Ibni Raja Hamid (1965), *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 187, juga Andaya, B.W (1974), "The Installation of The First Sultan of Selangor in 1766", *JMBRAS*, Vol. 47, Pt. 1, 1974, h. 48

¹⁶⁷ Daulat berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud kuasa memerintah dalam sebuah negara - lihat ____ (1968), *Kāmus Al-Munjid Al-Ijādi*. Beirut: Dar al-Masyrik, h. 452; Daulat juga bererti kuasa (raja/kerajaan), berdaulat – mempunyai kedudukan yang tinggi dan berkuasa, berwibawa – lihat Sheikh Othman bin Sheikh Salim *et al* (1989), *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: DBP, h. 257

¹⁶⁸ Andaya, B. W, *Loc.cit.*

¹⁶⁹ Sistem pemerintahan Islam ini merujuk kepada sistem pemerintahan di abad ke-10H – 20H (di zaman kerajaan Bani Abbasiyah – kerajaan Uthmaniyah Turki) di mana pemerintahan Islam telah berubah kepada sistem pemerintahan beraja. Sistem pemerintahan ini mempengaruhi sistem kerajaan di alam Melayu sejak di zaman Pasai lagi. Gelaran Al-Malik Al-Zahir meniru gelaran kerajaan Mamluk di Mesir. Kemudian gelaran itu berubah pula kepada sultan. Kerajaan Mamluk ini mengesyorkan kesatuan umat Islam di bawah satu pemerintahan khalifah sekurang-kurangnya sama pada nama – lihat Mohammad Redzuan Othman (1994), "The Middle Eastern Influence on The Developmen of Religious and Political Thought in Malay Society, 1880-1940" (Ph.D Thesis of The University of Edinburgh), hh. 51 dan 168

ahli al-'aqd wa al-hal dan *bai'ah* umum iaitu persetujuan dari rakyat untuk tunduk patuh di bawah pemerintahannya.¹⁷⁰

Perlantikan Raja Lumu sebagai Yang Dipertuan Selangor atas persetujuan pembesar-pembesar Selangor menepati kehendak *bai'ah* khas.¹⁷¹ Istiadat tabal oleh Sultan Perak itu hanya untuk mengukuhkan kedudukan baginda dan sebagai proses pemasyhuran zahirnya kerajaan negeri Selangor. Di dalam istiadat pertabalan ini, rakyat yang hadir akan melaungkan “Daulat Tuanku” sebanyak tiga kali¹⁷². Perlakuan ini menunjukkan rakyat sedang memberikan *bai'ah* umum sebagai tanda kesediaan menerima perintah dan kepimpinan Sultan Salehuddin.

Di dalam istiadat ini juga Al-Quran menjadi salah satu elemen penting di samping nobat, malah sultan juga diingatkan supaya berpegang kepada al-Quran dan Hadis berserta prinsip-prinsipnya ketika menjalankan pemerintahannya. Penulis memetik salah satu lafaz di dalam adat istiadat pertabalan yang jelas menggambarkan keadaan tersebut,

“Setelah itu tampillah Yang Dipertuan Muda diiringi oleh seorang alim menghampiri dan berdiri dekat denga singgah sana seraya Yang Dipertuan Muda bersabda ... “ Daulat Tuanku, patik sekalian setengah daripada ahli-hal wal-'aqad mentauliah serta menzahirkan Duli Tuanku Yang Maha Mulia menjadi raja di dalam negeri... ,serta daerah takluknya dengan bergelar Sultan ...Shah. Maka adalah patik-patik sekalian berharap Duli Tuanku kelak mengikut titah perintah Allah dan Rasulnya sebagaimana yang terkandung di dalam Al-Quranulazim dan Hadis Saidul Mursalin...”¹⁷³

¹⁷⁰ Abī al-Hassan ‘Alī bin Muhammad bin Ḥabīb al-Māwardī (1973), *al-Ahkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat al-Diniyyah*. Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādihi, hh. 5-6; lihat juga Abdul Malek A. Al-Sayed (1995), *Etika Sosial dalam Islam*. Syed Putera Syed Ahmad (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.28 dan 67

¹⁷¹ Winstedt, *Op.cit.*, h. 5

¹⁷² Syed Alwi bin Sheikh Al-Hadi (1980), *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*. c.6, Kuala Lumpur: DBP, h. 100

¹⁷³ *Ibid.*

Kedatangan Islam ke alam Melayu telah menerapkan identiti baru kepada sistem pemerintahan beraja di mana raja itu diberikan taraf selaku “bayangan Allah di alam ini” (ظَلَّ اللهُ فِي الْعَالَمِ).¹⁷⁴ Peranan raja sebagai “bayangan Allah di alam ini” bersesuaian dengan konsep kedudukan manusia sebagai khalifah Allah.¹⁷⁵ Kesultanan yang didirikan oleh Raja Lumu/Sultan Salehuddin itu memberikan baginda kedudukan sebagai “bayangan Allah di alam ini” yang berperanan sebagai khalifah Allah¹⁷⁶ iaitu sebagai penguasa yang bertanggung jawab mentadbir Selangor dengan adil dan memberikan kemakmuran kepada rakyatnya.

Sebagai sebuah kerajaan baru, Sultan Salehuddin berusaha mengukuhkan pertadbiran. Perkara pertama yang diberi tumpuan oleh baginda ialah membentuk organisasi pentadbiran dengan mewujudkan beberapa jawatan penting seperti Dato’ Aru yang dikatakan jawatan kedua penting selepas sultan. Jawatan-jawatan lain seperti Dato’ Penggawa Tua, Penggawa Muda, Dato’ Shahbandar, Dato’ Kaya Kecil Klang Dato’ Penghulu Ulu Selangor dan Dato’ Maharajalela.¹⁷⁷ Perlantikan jawatan-jawatan ini bagi membantu dan menasihati baginda dalam pemerintahan.

Di sini memperlihatkan bahawa kuasa Sultan Salehuddin itu bukan mutlak. Setiap tindakan dirunding terlebih dahulu bersama pembesar-pembesar ini. Tindakan ini bertepatan dengan kehendak Islami, setiap keputusan perlulah secara *syura*

¹⁷⁴ Voorhoeve, P (1934), *The Encyclopedia of Islam*, Vol. IV, S – Z, London: Luzac & Co, h. 543.

¹⁷⁵ Auni Abdullah (1991), *Op.cit.*, h. 4

¹⁷⁶ Khalifah ialah seorang yang dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk mengatur kehidupan manusia di bumi berdasarkan kepada wahyu dan mempunyai tujuan hidup yang suci untuk mencapai keredhaan Allah – lihat tafsiran ayat 30 al-Baqarah, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (1983), Sheikh Abdullah b. Muhammad Basmeh (terj.), c.6, Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, h. 13

¹⁷⁷ Khoo Kay Kim (1985), “Raja Lumu/Sultan Salehuddin in The Founding of The Selangor Dynasty” *JMBRAS*. Vol. 58, Pt. 2, 1985, h. 10

bersama *ahli al-'aqd wa al-hal* dalam majlis syura.¹⁷⁸ Amalan ini diwarisi oleh generasi Kesultanan Melayu-Bugis seterusnya.

Di antara peranan sultan juga ialah sebagai lambang perpaduan. Sultan Salehuddin dan puteranya Sultan Ibrahim khususnya telah berjaya melaksanakan peranannya dengan baik. Sebelum ditabal sebagai Sultan Selangor, daerah pegangan Sultan Salehuddin hanyalah di Kuala Selangor sahaja. Setelah diakui sebagai Sultan Selangor, baginda berjaya menyatukan daerah-daerah lain di bawah pemerintahannya. Daerah-daerah itu seperti Sungai Bernam, Sungai Klang, Jeram dan Langat.¹⁷⁹ Seterusnya daerah Sungai Raya (berhampiran dengan Kuala Linggi) dan Lukut di zaman Sultan Ibrahim.¹⁸⁰ Sebelum ini daerah-daerah itu dikuasai oleh pembesar-pembesar lain dan diperintah secara berasingan. Sebagai rakyat mereka perlu taat dan patuh kepada sultan kerana ketaatan kepada baginda dianggap juga taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Menentang sultan dianggap merosakkan pemerintahan Islam dan memusnahkan perpaduan rakyat. Ia dianggap derhaka yang membawa hukuman yang sangat berat sehingga melibatkan keluarga dan harta penderhaka itu.¹⁸¹

¹⁷⁸ Ahli al-'aqd wa al-hal terdiri dari orang Islam seperti para penguasa, gabenor, ulama, ketua-ketua dan pemuka-pemuka yang menjadi tempat rujukan orang dalam keperluan dan kepentingan umum - lihat Abdul Karim Zaidan (1978), *Umat dan Negara dalam Syari'at Islam*. Kota Bharu: Syarikat Dian Bhd. hh. 29 dan 33

¹⁷⁹ Tok Engku Klang (penghulu tradisional yang dilantik sejak Kesultanan Melaka kemudiannya Kesultanan Johor-Riau) dikatakan enggan mengakui Raja Lumu sebagai Yang Dipertuan Selangor sehinggalah baginda di tabal oleh Sultan Perak; setahun selepas pertabalan itu baginda belayar dengan lancang ke Klang menemui Tok Engku Klang untuk diperakui sah sebagai Sultan Selangor - lihat Andaya, B.W, *Op.cit.*, h. 47 dan Khoo Kay Kim (1985), *Op.cit.*, h.8

¹⁸⁰ Andaya, B.W *Ibid.*, h. 42

¹⁸¹ Liaw Yock Fang (1976), *Undang-undang Melaka*. The Hague: Koninklijk instituut Voor Taal-Lard-en volkenkunde, h. 170

Untuk memakmurkan negeri Selangor, Sultan Salehuddin dan seterusnya Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad telah menumpukan kepada perusahaan bijih timah. Orang-orang Cina telah dibawa masuk ke Selangor terutama di zaman pemerintahan Sultan Muhammad Sultan Selangor ketiga untuk menjayakan perusahaan ini secara besar-besaran¹⁸² di samping pendatang-pendatang dari Sumatera seperti orang-orang Minangkabau, Rawa, Batu Bahara dan Mendeleng.¹⁸³

Untuk memenuhi keperluan makanan penduduk Selangor yang terus bertambah, rakyat juga digalakkan bercucuk tanam dan berternak. Sultan Muhammad Sultan, telah berjaya mengimbangi hasil keluaran negeri Selangor iaitu perlombongan dan pertanian. Hasil pertanian tidak mungkin membuahkan hasil yang baik jika pemerintahan sesebuah negeri itu tidak stabil dan aman. Raja Bot dalam satu suratnya yang bertarikh 22 Ogos 1902, menceritakan tentang hasil pertanian di Selangor di zaman nendanya Sultan Muhammad,

“On the Selangor River from Telok Penyamun on the right bank and on the left, as far as Kampong Kedah in the interior, nothing but padi fields could be seen in those days. I well remember that in 1273H/1857M the year in which Sultan Muhammad was buried, I bought Selangor rice at the rate of 100 gantangs for \$5, and padi at the rate of 100 gantang for \$2.50: ducks, fowls and goats were cheap, because in those days every kind of provisions was plentiful and abundant.”¹⁸⁴

Menurut Gullick pula, pada tahun 1871, ladang-ladang pokok kelapa telah wujud di sepanjang sungai Selangor. Di Sungai Linggi pula sejak 1835, nanas, pisang dan keladi bukan lagi tanaman asing di sana. Manakala di sepanjang pantai

¹⁸² Gullick (1960), *Op.cit.*, hh. 43-44

¹⁸³ *Ibid.*, h. 26

¹⁸⁴ _____ (1966), “About 19th Century Selangor”, *Peninjau Sejarah*. Vol. 1, Jun 1966, h. 71

pula terdapat perkampungan nelayan yang menjalankan aktiviti ikan masin untuk dijual.¹⁸⁵

Sebagai ketua agama juga para sultan ini juga menjaga kebajikan rakyatnya dalam melaksanakan perlakuan ibadat. Sultan Ibrahim, Sultan Selangor kedua dilaporkan beberapa kali memberi bantuan dengan menulis surat sokongan kepada Kapten Francis Light di Pulau Pinang. Pada tahun 1791 baginda meminta agar sekumpulan jemaah haji dari Selangor dapat ditumpangkan ke dalam mana-mana kapal Inggeris atau Arab untuk pergi ke Mekah. Ketika itu Sultan Ibrahim mempunyai hubungan dagang yang sangat baik dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris yang berpangkalan di Pulau Pinang.¹⁸⁶

Apa yang dapat dirumuskan di sini Kesultanan Melayu-Bugis di era pemerintahan mutlaknya telah berperanan sebagai pemerintah dengan baik sekali. Mulai dari usaha mendirikan sebuah negeri yang berdaulat seterusnya memerintah negeri Selangor secara demokrasi. Setiap keputusan sentiasa dibuat secara musyawarah bersama para pembesar negeri. Sebagai Yang Dipertuan Negeri Selangor, Kesultanan Melayu-Bugis ini bukan sahaja lambang perpaduan rakyat tetapi juga berjaya membawa kemakmuran dalam negeri.

Kesultanan ini bijak mengimbangi hasil keluaran negeri, ia tidak hanya menumpukan kepada perlombongan tetapi juga hasil pertanian menyebabkan

¹⁸⁵ Gullick, (1998), *Op.cit.*, h. 40

¹⁸⁶ Gallop A.T(1994), *The Legacy of The Malay Letter, British Library (for Arkib Negara)* – Letter no. 161, London: (t.p), h. 139

sudah wujud institusi-institusi pengajian ilmu seperti di Aceh,¹⁸⁷ Riau,¹⁸⁸ Patani, Banjarmasin dan Palembang.¹⁸⁹ Walaupun begitu sistem pendidikan di Selangor sehingga awal kurun ke-19M agak keterbelakang jika dibandingkan dengan sistem pendidikan di tempat lain terutamanya di Aceh dan di Riau. Pendidikan di sini hanya di tahap peringkat asas sahaja. Penulis mengkatagorikan pendidikan di Selangor kepada dua iaitu pendidikan di kalangan rakyat dan pendidikan golongan bangsawan di istana.

Peranan Kesultanan Melayu-Bugis terhadap perkembangan pendidikan di Selangor sehingga tahun 1874 secara umumnya tidak jelas dan bersifat tidak langsung. Sultan-sultan Selangor menggalakkan penghijrahan orang-orang Melayu khususnya dari pesisir pantai Sumatera Barat¹⁹⁰ ke Selangor untuk meneroka tanah-tanah baru. Sebagai ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu, sultan-sultan ini secara tidak langsung meminta rakyat yang bernaung di bawah pemerintahannya

¹⁸⁷ Sejak kurun ke-15-17M terutama pada zaman pemerintahan Ratu Tajul Alam Safiatuddin, Aceh merupakan pusat pengajian dan pusat penjualan terbesar kitab-kitab Arab yang diimport dari Mesir dan kitab-kitab jawi. Dalam tempoh tersebut juga muncul tokoh-tokoh ilmunan seperti Hamzah Fansuri, Sheikh Nuruddin Ar-Raniri dan Sheikh Abdul Rauf bin Ali Fansuri/ Singkel. Kitab-kitab karangan mereka ini menjadi rujukan Sultan-sultan di alam Melayu – lihat Zainuddin H.M (1961), *Tareh Atjeh dan Nusantara*. Medan: Pustaka Islam dan Muda, h. 259-261; Aceh juga mempunyai institusi pendidikan daripada peringkat asas dikenali sebagai *meunasah* (surau di Tanah Melayu), peringkat menengah dikenali dengan *rangkang* (pondok di Tanah Melayu) dan peringkat tinggi dikenali dengan *jami'ah* (universiti) – lihat A. Hasjmy (1971), “Apakah Sebab Pendidikan Islam Menjadi Faktor Pembina Persatuan Bangsa?”, *Sinar Darussalam*, Julai 1971, h.20 juga lihat Zakaria Ahmad (t.t), *Sekitar Kerajaan Atjeh Dalam Tahun 1520-1675*. Medan: Penerbit Monora, hh. 100 – 102

¹⁸⁸ Riau juga telah muncul sebagai pusat kebudayaan Melayu dan pusat pengajian Islam di kepulauan Melayu dalam kurun ke-19 – lihat Li Chuan Siu (1980), *Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru 1830-1945*. c. 4, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 21

¹⁸⁹ Ismail Hamid (1994), *Kepengarangan Karya-karya Bercorak Keislaman Dalam Kesusasteraan Melayu Lama, Pengarang dan Kepengarangan Melayu*. Sahlan Mohd. Saman (ed.), Kuala Lumpur : DBP, h. 66

¹⁹⁰ Penduduk Selangor sejak kurun ke-18 terdiri daripada orang Bugis dan suku Melayu yang datang dari pantai Sumatera seperti Minangkabau, Mendeleng, Rawa, Kampar, Batu Bahara/Siak dan Kerinci – lihat Gullick (1960), *Op.cit.*, h. 26

mengekalakan kebudayaan Melayu dan melaksanakan tuntutan Islam yang dipelajari secara tradisional.

Pada umumnya pendidikan yang diterima oleh masyarakat di Selangor tidaklah jauh berbeza daripada tempat-tempat lain di alam Melayu. Pendidikan ketika itu berteraskan agama Islam dan bersepadu antara tuntutan Islam dan keperluan kehidupan. Tiada istilah pendidikan Islam atau pendidikan tidak Islam. Pendidikan ini merupakan tanggung jawab ibu bapa kanak-kanak itu sendiri bukan tanggung jawab pemerintah atau sultan.¹⁹¹

Masyarakat Selangor ketika itu mendapat pendidikan secara *informal*¹⁹² dan ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, pengetahuan kemahiran yang diajar oleh ibu bapa mereka secara warisan seperti bertani, mengukir, menangkap ikan dan lain-lain. Kedua ialah pengajian ilmu yang dipelajari di rumah-rumah imam, surau dan masjid-masjid.¹⁹³ Bacaan Al-Quran menjadi asas pendidikan dimulai dengan mempelajari cara mengenal huruf iaitu Alif-Ba-Ta dengan berpandukan kitab Muqaddam dan seterusnya menguasai al-Quran. Kemudian diikuti dengan ilmu-ilmu asas fardu ain seperti ilmu Tauhid,

¹⁹¹ Sumali Amat (1985), "Perkembangan Sistem Pengajian Islam di Selangor", *Selangor Dahulu dan Sekarang*. Khoo Kay Kim et al (ed.), Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, h. 31

¹⁹² Pendidikan tradisi seperti ini dianggap informal kerana kurikulumnya terlalu sempit dan hanya terhad kepada teks Al-Quran sahaja. Kaedah pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan, murid hanya diajar cara menghafaz tanpa memahami apa-apa yang dipelajari – lihat Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee (1988), *Pendidikan di Malaysia*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., h. 11; pendidikan formal pula dijelaskan sebagai sistem pendidikan yang diajar di sekolah, mempunyai kurikulum tertentu dan wujudnya sistem penilaian dan ada tempoh tertentu – lihat Radcliffe, David James (1970), "Education and Cultural Change Among The Malays 1900-1940" (Ph.D Thesis of The University of Wisconsin), h. 39

¹⁹³ Zainuddin bin Leman (1985), "Perkembangan Sistem Pengajian Islam di Selangor", *Selangor Dahulu dan Sekarang*. Khoo Kay Kim et al (ed.), Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, h. 91

Feqah, Akhlak dan Sejarah Islam di samping diajar tulisan jawi.¹⁹⁴ Sistem pengajian ini sebenarnya mengikut tradisi keilmuan Rasulullah, para sahabat dan tabi'en yang tidak mementingkan tempoh pengajian yang penting ilmu itu dapat disampaikan dan dapat difahami oleh masyarakat. Tradisi keilmuan ini diwarisi sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi.¹⁹⁵

Tenaga pengajarnya terdiri daripada ahli-ahli agama yang biasanya datang bersama dengan pendatang-pendatang yang berhijrah ke Selangor. Pembinaan masjid-masjid lama di Selangor seperti Masjid Lubuk Pusing (Masjid Marzukiyah) yang dibina pada tahun 1918 oleh Tuan Sheikh Ahmad Marzuki dengan penduduk kampung yang datang bersamanya dari Sumatera pada 1912¹⁹⁶ membuktikan kenyataan ini. Walaupun penulis mendatangkan contoh masjid yang dibina pada awal kurun ke-20M tetapi ia boleh menggambarkan fenomena yang sama pada kurun ke-18M dan ke-19M kerana Selangor pada masa itu terutama di kawasan pedalaman masih kurang dihuni.¹⁹⁷

Pada fasa pertama Kesultanan Melayu-Bugis di Selangor iaitu kira-kira enam puluh tahun pemerintahan Sultan Salehuddin hingga Sultan Ibrahim (1766-1826), tiada maklumat yang jelas menunjukkan adanya proses pengajian di istana namun begitu penulis percaya budaya keilmuan itu berlaku di istana Sultan Selangor seperti mana di negeri-negeri Melayu yang lain. Kedudukan negeri Selangor sebagai negeri

¹⁹⁴ Sumali Amat, *Op.cit.*, 32

¹⁹⁵ Abdullah Ishak ((1995), *Pendidian Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP, hh. 131 dan 145

¹⁹⁶ Laporan Penyelidikan Masjid-masjid Tua Selangor (Sabak Bernam dan Hulu Selangor) – Sebelum Merdeka oleh Lembaga Muzium Selangor Shah Alam, 2001.

¹⁹⁷ Gullick (1998), *Op.cit.*, h. 28

baru, menyebabkan pengasasnya iaitu Sultan Salehuddin dan puteranya Sultan Ibrahim lebih menumpukan perhatian terhadap pengukuhan politik berbanding perkembangan ilmu. Oleh sebab itu pendidikan di istana Selangor juga di daerah jajahannya tidak mencapai tahap yang tinggi sehingga mampu melahirkan tokoh-tokoh ilmuan seperti di istana Aceh atau Riau yang dapat menggubal suatu undang-undang untuk panduan semua pihak.

Untuk mengisi kekurangan itu, sultan-sultan dan kerabat Diraja Selangor telah menghantar putera-putera mereka ke pusat-pusat pengajian ilmu seperti di Aceh dan Riau untuk mendalami sesuatu ilmu termasuklah ilmu Tasawuf dan bahasa serta persuratan Melayu.¹⁹⁸ Ini penting bagi melahirkan pemerintah yang bijak, berwibawa dan penuh dengan ilmu duniawi dan ukhrawi.

Dalam Tuhfat al-Nafis banyak menceritakan tentang hubungan kekeluargaan antara keluarga Diraja Selangor dengan keluarga Diraja Riau yang masih rapat sehingga ke zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad, Sultan Selangor keempat. Keadaan ini memudahkan lagi penghantaran anak-anak mereka ke Riau untuk menuntut ilmu. Raja Ali Haji menceritakan,

¹⁹⁸ Kepentingan bahasa Melayu, bertulisan Jawi sehingga kurun ke-19 sebagai lingua franca dan bahasa dakwah Islamiyah, di seluruh alam Melayu menjadikan-nya salah satu ilmu yang diajar di istana untuk kerabat diraja dan pembesar-pembesar negeri. Ini terbukti dengan terhasilnya karya-karya agama dan sastera di istana Melaka, Aceh dan Riau dan munculnya tokoh-tokoh seperti Raja Ali Haji di Riau yang terkenal sebagai sejarawan, ahli agama juga tokoh bahasa Melayu. Namun begitu bahasa Melayu tidak diajarkan kepada rakyat biasa, Abdullah Munshi mencatatkan "... kerana pada fikiran orang-orang sekalian tiada patut dipelajari akan bahasa Melayu itu sebab iaitu bahasa kita sendiri dan lagi pula daripada zaman nenek moyang pun tiada pernah pula orang menaruh tempat belajar bahasa Melayu melainkan mengaji Koran sahaja..." lihat Abdullah b. Abdul Kadir Munshi (1966), *Hikayat Abdullah*. c.5, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 38

“....Sebermula adapun Raja Muhammad putera Yang Dipertuan Selangor tiada berapa antaranya duduk di dalam Riau maka bermohonlah kepada baginda serta paduka Yang Dipertuan Muda Raja Ali hendak balik ke Selangor.”¹⁹⁹

Apabila Sultan Muhammad memerintah Selangor menggantikan ayahandanya Sultan Ibrahim, Raja Jaafar Ibni Raja Haji²⁰⁰ iaitu bapa saudara baginda telah menjadi Yamtuan Muda Riau keenam. Beliau terkenal seorang yang berakhlak baik dan suka kepada ulama serta menjadikan kitab bahasa Melayu/Jawi Mir'at al-Tullāb²⁰¹ (kitab mengenai Tasawuf) karangan Sheikh Abdul Rauf bin Ali Fansuri/Singkel sebagai rujukan. Sultan Muhammad juga dilaporkan sebagai seorang yang kuat berpegang kepada agama Islam.²⁰² Ini jelas membuktikan bahawa peribadi mulia baginda ini kesan daripada didikan yang diperolehi dari hubungan baik baginda dengan keluarga Diraja Riau yang terkenal taat kepada agama Islam dan pengamal tarikat sufi Naqshabandiyah.²⁰³

Sikap Kesultanan Melayu-Bugis yang menyintai alim ulama ini menyebabkan baginda sering dikunjungi dan didampingi oleh alim ulama. Ini bukan sahaja untuk mendalami ilmu-ilmu Islam tetapi juga sebagai teladan kepada rakyat. Ulama ini diberi kedudukan sebagai penasihat agama Islam kepada sultan dan

¹⁹⁹ Raja Ali Haji (1982), *Tuhfat al-Nafis*, *Op.cit.*, h. 254, untuk makluman bahawa isteri Yamtuan Muda Raja Ali bin Daeng Kemboja itu ialah Raja Penuh puteri Raja Lumu adik kepada Sultan Ibrahim, ini bermakna beliau ialah ibu saudara kepada Raja Muhammad yang kemudiannya menjadi Sultan Selangor bergelar Sultan Muhammad. *Ibid.* h. 177

²⁰⁰ Beliau dan adik-beradiknya termasuk Raja Ahmad bapa Raja Ali Haji pernah dianugerahi daerah Klang oleh Sultan Ibrahim kerana membantu baginda mengalahkan Perak – lihat *Tuhfat al-Nafis*, *Ibid.*, h. 241

²⁰¹ *Ibid.* h. 267

²⁰² Yussof Hassan, *Jugra Dalam Sejarah*. Penerbita Tra-Tra, 1983, h. 3

²⁰³ maklumat diperolehi daripada wawancara dengan Wan Mohd. Saghir Abdullah (seorang daripada keturunan Bugis-Riau-Siak-Patani juga pengarang buku *Ilmu Tasawuf dan Tokoh-tokoh nya di Nusantara*) pada 16 Mac 2002 di rumahnya di Tmn. Melewar Gombak, jam 10.00 pg.

mempunyai pengaruh yang besar ke atas pemerintahan negeri. Syed Jaafar yang berasal dari Siak,²⁰⁴ contohnya telah berkhidmat sebagai penasihat agama Islam kepada Sultan Ibrahim.²⁰⁵

Manakala Sultan Muhammad pula telah dikunjungi oleh Sheikh Abdul Ghani dari Bima²⁰⁶ pulau Sumbawa.²⁰⁷ Sheikh ini menasihati baginda tentang larangan memakai perhiasan emas bagi lelaki dan nasihat itu dipatuhi menyebabkan Mahkota Leleng, mahkota kerajaan negeri Selangor yang berasal dari tanah Bugis telah dimusnahkan. Jika tiada kefahaman yang jelas tentang Islam dan sifat zuhud yang dimiliki oleh baginda, tentu baginda tidak memperkenankan mahkota yang diperbuat daripada emas tulen itu dimusnahkan.

Dalam bidang pendidikan, peranan Kesultanan Melayu-Bugis tidak jelas atau bersifat tidak langsung. Perkembangan pendidikan ketika ini (tiada pengasingan

²⁰⁴ Tuhtat al-Nafis (ed. Jawi) versi R.O Winstedt, *JMBRAS*, Vol. X, Pt. II, 1932, hal. 167 dan *Hikayat Siak*. Muhammad Yusoff Hashim (ed.), DBP, Kuala Lumpur, 1992, h.188

²⁰⁵ Lihat laporan Admiral J.P van Braam kepada Gabenor General, Batavia, 15 Sept. 1784, J.P van Braam Collection.

²⁰⁶ Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Said, *Op.cit.*, h. 89

²⁰⁷ Penulis lebih cenderung mengatakan pulau Sumbawa (sebuah pulau yang terletak di timur pulau Jawa dan Bali) bukan Sumatera kerana tidak terdapat negeri Bima di pulau Sumatera. Untuk menjadi penasihat kepada seorang sultan, alim ulama itu selain 'dalam' ilmunya tentunya dia juga datang dari sebuah kerajaan yang besar juga. Tome' Pires telah mencatatkan bahawa Bima ialah sebuah kerajaan di pulau Sumbawa berada di perjalanan maritime dari Melaka dan pulau Jawa ke Maluku. Pada abad ke-17M, Bima telah diislamkan oleh kerajaan Gowa/Makasar – lihat Henri Chambert-Loir (1982), *Syair Kerajaan Bima*. Jakarta: Ecole Francaise D Extreme-Orient, h. 11-12; Kesilapan Sumatera dan bukan Sumbawa mungkin disebabkan oleh huruf ejaan jawi dalam naskhah asal yang dirujuk oleh Wan Muhammad Amin atau lain-lain sejarawan tidak jelas dan mengelirukan. Dalam ejaan [سومباوا] huruf (ب) dan huruf (و) tidak terang menyebabkan penyalinnya menyangka huruf itu ialah huruf (ت) dan (ر) yang membunyikan [سومترا] dan pulau Sumatera ini lebih dikenali oleh orang-orang di Tanah Melayu. Ejaan merujuk ejaan jawi Zaaba – Zainal Abidin bin Ahmad – Raja Karang Mengarang di Sultan Idris Training College Tanjung Malim (1949), *Daftar Ejaan Melayu (Jawi-Rumi)*. (t.p), h. 364.

antara ilmu Islam dan dunia) berlaku secara tradisi sebagaimana di alam Melayu yang lain. Sultan adalah lambang dan contoh yang diteladani oleh rakyat. Sikap para Sultan Selangor menyintai ilmu dan menyanjungi ulama jelas menunjukkan perasaan beragama yang tersemat dalam sanubari mereka. Semangat inilah yang dicontohi oleh rakyat Selangor menyebabkan aktiviti pengajian ilmu berlaku di setiap daerah dan kampung walaupun di tahap yang rendah.

4.1.3. Peranan Kesultanan Melayu-Bugis Terhadap Perlaksanaan Undang-undang Islam di Selangor.

Daripada kajian-kajian yang telah dibuat terhadap undang-undang Melayu sama ada oleh pihak orientalis atau sarjana tempatan, tiada bukti yang jelas menunjukkan Selangor mempunyai undang-undang bertulisnya sendiri. Namun begitu ia tidak membuktikan bahawa Selangor tidak mempunyai undang-undang yang diamalkan di sana. Terdapat beberapa elemen yang menunjukkan adanya suatu undang-undang yang telah diamalkan di Selangor sejak kurun ke-15 lagi.

Sebelum berdiri sebagai sebuah negeri di bawah payung Kesultanan Melayu-Bugis pada kurun ke-18M, Selangor merupakan salah sebuah daripada jajahan Kesultanan Melayu Melaka dan kedatangan Islam ke Selangor juga berkait rapat dengan keislaman raja-raja Melaka sejak kurun ke-15M lagi. Beberapa tempat yang terdapat di negeri Selangor sekarang ini seperti Klang, Jeram dan Selangor

(Sg. Selangor) telah wujud pada kurun tersebut namun begitu ia hanya diperintah oleh wakil sultan sahaja²⁰⁸.

Kesultanan Melayu Melaka telah menjadikan Melaka bukan sahaja sebuah pelabuhan entrepot tetapi juga sebagai pusat penyebaran Islam bagi seluruh kepulauan Melayu. Selain menghantar para mubaligh Islam ke seluruh alam Melayu, Kesultanan Melayu Melaka juga telah mengkanunkan dua versi undang-undang iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Kedua-dua undang-undang ini digubal berdasarkan undang-undang Islam bermazhab Syafie,²⁰⁹ tujuan utama pengkanunan undang-undang ini adalah untuk memastikan Islam diamalkan sepenuhnya di dalam semua aspek kehidupan khususnya oleh negeri-negeri jajahannya dan alam Melayu amnya.

Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan melihat kepada beberapa teks undang-undang di negeri-negeri Melayu yang masih wujud dan ianya dipengaruhi oleh Undang-undang Melaka secara langsung atau tidak langsung seperti Undang-undang Johor, Undang-undang Kedah, Undang-undang Pahang, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dan Undang-undang Sungai Ujung.²¹⁰ Begitu juga Undang-undang Brunei dan Undang-undang Pontianak.²¹¹

²⁰⁸ Tun Perak ialah penghulu di Klang di zaman pemerintahan Sultan Muzaffir (Muzaffar) Shah – lihat Shellabear, W.G (1978), *Sejarah Melayu*. c.4, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Bhd., h. 67

²⁰⁹ Wilkinson, R.J (1908), *Papers on Malay Subject: Law "Introductory Sketch"*. Pt. 1, Kuala Lumpur: The FMS Government Press, h. 48

²¹⁰ Abu Bakar Abdullah (1986), *Ke Arah Perlaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*. Kuala Terengganu: Pustaka Damai, h. 59-65.

²¹¹ Mahmud Saedon Awang Othman (1984), "Penyelesaian Masyarakat Majmuk Melalui Perundangan Islam", *Dakwah*, September, 1984, h. 43.

Walaupun di Selangor tidak diperolehi suatu undang-undang bertulis tetapi sebagai sebuah jajahan, sudah tentu Selangor tunduk patuh serta melaksanakan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pertuanannya.²¹² Keadaan ini berterusan apabila kesultanan Melayu beralih kepada Kesultanan Johor-Riau setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis dalam tahun 1511.²¹³

Walaupun pada kurun ke-18M orang-orang Bugis telah dapat menguasai Selangor dan daerah-daerah lain yang tersebut di atas dan berjaya membina sebuah kerajaan yang mempunyai entiti politiknya sendiri tetapi sebenarnya ia masih di bawah pengaruh atau sekurang-kurangnya bayangan Kesultanan Johor-Riau khususnya pengaruh Yam Tuan-yam tuan Muda Riau kerana mereka mempunyai pertalian keluarga yang rapat. Fenomena ini memungkinkan Selangor mengamalkan undang-undang Melaka pada peringkat awal dan kemudian beralih kepada Undang-undang Johor atau Undang-undang Riau yang perlaksanaannya tidak jauh daripada Undang-undang Melaka (Hukum Kanun Melaka).

Andaian ini, penulis kukuhkan dengan merujuk kepada teks-teks undang-undang yang pernah dipakai di Riau. Antaranya teks undang-undang yang hanya

²¹² Maksud tunduk dan patuh kepada pertuanannya i. menerima ketua yang dilantik oleh sultan iaitu wakil raja; ii. Menyerahkan sebahagian daripada hasil tahunan kepada sultan pemerintah melalui wakilnya itu, Raja Mahadi enggan menyerahkan sebahagian hasil kutipan cukai kepada Sultan Abdul Samad menyebabkan baginda murka – lihat Buyong Adil (1981), *Sejarah Selangor*. c.2, Kuala Lumpur: DBP, h.59 ; iii. Melaksanakan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pertuanannya.

²¹³ Pada zaman Sultan Alauddin Shah Sultan Pertama Johor Lama (1529-1564), pembesar di Klang bergelar Mandulika manakala di Selangor bergelar Sri Agar Diraja – lihat Winstedt, R.O (1934), "A History Of Selangor", *JMBRAS*.Vol. XII, Pt. III, h.1; manakala ketika Kesultanan Johor berpusat di Riau-Lingga wakil Sultan di Klang bergelar To'Engku Klang pula – *Ibid.*, Appendix. I

dilabelkan sebagai *Cod. Or.* 3376.²¹⁴ Ia adalah suatu *fragment*²¹⁵ atau lanjutan daripada undang-undang yang digunakan di Melaka pada abad ke-15M dan 16M²¹⁶ iaitu Hukum Kanun Melaka. Satu lagi teks undang-undang Riau ialah yang jodol asalnya dinyatakan sebagai *Thamarat al-Maṭlūb Fī al-Anūār al-Qulūb*²¹⁷ (nama penyalinnya tidak diketahui) ada menyebutkan tentang peraturan dan adat diraja yang juga di amalkan di Selangor,

“.....Demikianlah yang tersebut di dalam sejarah dan siarah raja-raja Melayu dan Bugis pihak Riau, Lingga, Johor, Pahang dan Selangor adanya.”²¹⁸

Tidak keterlaluan jika penulis menyatakan bahawa Sultan Abdul Samad juga berkemungkinan merujuk kepada *Thamarat al-Muhimmah Diyāfah lī al-Umarā' wa al-Kubārā' lī Ahlī al-Mahkamah* karya Raja Ali Haji (beliau ialah guru agama dan penasihat kepada beberapa Yamtuan Muda Riau). Sebuah karya berunsur ketatanegaraan yang dikarang khusus sebagai panduan Yam Tuan Muda Riau Raja Ali Ibni Raja Haji yang juga sepupunya. Ia siap dikarang pada 1304H/1857M²¹⁹ iaitu tahun yang sama Sultan Abdul Samad naik takhta kerajaan Selangor.

Dalam situasi kekurangan bahan rujukan untuk dijadikan panduan dalam mentadbir negara, sudah tentu baginda perlu kepada karya besar seperti itu. Tambahan pula hubungan Selangor dengan Riau amat erat. Amalan ini bukan suatu

²¹⁴ Jodol teks ini berdasarkan katelog yang dilabel oleh H.H. Juynboll yang tersimpan di perpustakaan Universiti Leiden, Netherland, lihat Abu Hassan Sham (1984), “Cod. Or. 3376: Sebuah Teks Undang-undang Dari Riau”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 3, 1984, h. 3

²¹⁵ Ibid. h. 4

²¹⁶ Ibid. h. 6

²¹⁷ A. Samad Ahmad (1985), *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: DBP, h. 57

²¹⁸ Ibid. hal. 251. Teks ini disalin pada 9 Rabiulakhir tahun 1274H/1858M iaitu setahun selepas Sultan Abdul Samad menaiki takhta kerajaan Selangor.

²¹⁹ Matheson Virginia (1987), “Suasana Budaya Riau Dalam Abad Ke-19: Latar Belakang dan Pengaruh”, *Tradisi Johor-Riau: Kertas Kerja Hari Sastera 1983*, Kuala Lumpur: DBP, h. 133

yang asing di kalangan raja-raja di alam Melayu, misalnya kitab Tajus Salatin sebuah kitab ketatanegaraan yang dikarang pada tahun 1603 di Aceh telah di gunapakai oleh raja-raja di Jawa pada kurun ke-14H/19M.²²⁰

Dalam satu kes yang berlaku di Kuala Selangor pada tahun 1885, seorang kadi telah menjatuhkan hukuman sebat empat puluh kali ke atas pesalah zina.²²¹ Walaupun kes ini berlaku pada zaman penguasaan Inggeris di Selangor tetapi ia boleh menggambarkan adanya suatu undang-undang yang telah lazim dilaksanakan di sana sebelum kedatangan Inggeris.

Ahli-ahli sejarah orientalis dan tempatan berpendapat, dalam sistem politik tradisional Melayu sultan ialah “sumber undang-undang” atau “undang-undang itu milik sultan”.²²² Frasa-frasa ini menggambarkan para sultan itu tidak demokratik, membelakangkan para menteri dan penasihat ketika mentadbir negara . Ini bertentangan dengan amalan sultan-sultan Melayu yang digambarkan sering bermusyawarah bersama penasihat-penasihat baginda dalam pelbagai urusan pentadbiran.²²³

Penulis bersetuju dengan pendapat J.M Gullick bahawa undang-undang itu adalah “*droit administrative*”²²⁴ (hak pemerintah) iaitu tugas bersama antara sultan dan pembesar sebagai pentadbir negara. Aturan-aturan yang digunakan untuk menjaga keamanan dalam negara dan kebenaran membetulkan kesalahan rakyat,

²²⁰ Taj Us-Salatin(1966), diselenggarakan oleh Khalid Hussain, Kuala Lumpur: DBP, h. Xii

²²¹ Sel.Sec. 1138/85

²²² Milner, A.C (1981), “Islam and Malay Kingship”, *JRAS.* h. 49

²²³ Gullick (1978), *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: DBP, hh. 73-75

²²⁴ *Ibid.*, h.164

dengan kata lain autoriti undang-undang ditetapkan oleh sultan, kemudian dilaksanakan oleh pembesarnya. Kuasa yang dikhaskan kepada sultan ialah kuasa memerintahkan pelaksanaan hukuman, bukan penghakiman.²²⁵

Di selangor, sultan hanya berkuasa penuh ke atas daerah pegangannya iaitu di Kuala Selangor kecuali Sultan Abdul Samad di Langat, manakala daerah-daerah yang lain ditadbir oleh pembesar-pembesar daerah yang juga merupakan putera-putera diraja Selangor. Sultan menganugerahi mereka ini kuasa untuk memelihara keamanan dan menghakimi kesalahan rakyat yang bukan kesalahan-kesalahan besar seperti membunuh.²²⁶ Kesalahan-kesalahan besar perlu dirujuk kepada sultan. Pembesar-pembesar daerah ini juga didampingi dan mendapat nasihat daripada golongan ulama seperti Raja Muda Musa Ibni Sultan Abdul Samad dilaporkan sentiasa dikelilingi oleh imam dan haji di daerah pegangannya Kuala Selangor.²²⁷

Merujuk kembali kepada “sultan sumber undang-undang”, penulis berpendapat ia boleh diterima dengan melihat kepada beberapa faktor. Pertama, dalam sistem politik tradisional Melayu, undang-undang terbahagi kepada dua iaitu undang-undang bersumberkan undang-undang Islam dan undang-undang berasaskan adat khususnya peraturan-peraturan yang melibatkan sultan dan protokol istana. Adat itu mesti dipatuhi oleh rakyat sewaktu berhubung dengan pihak raja/sultan dan

²²⁵ *Ibid.*,

²²⁶ Liaw Yock Fang, *Op.cit.*, h. 72; lihat juga _____ (1970), “The Laws of Johore”, *Reading in Malay Adat Laws*. Hooker, M.B (ed.), Singapore: Singapore University Press h. 97; lihat juga Abu Hassan Sham (1984), COD. OR 3376 - Undang-undang Riau, h. 16

²²⁷ Philip Loh Fook Seng (1969), *The Malay States 1877-1895: Political Change and Social Policy*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 20; juga lihat Middlebrook S.M (1951), “Yap Ah Loy”, *JMBRAS*, Vol.24, pt. 2, 1951, h. 106

sesiapa melanggarnya akan dijatuhi hukuman berat.²²⁸ Oleh itu “Sultan sumber undang-undang” lebih merujuk kepada adat.

Kedua, sebagai ketua negara, tahap pendidikan dan pengetahuan Islam sultan lebih tinggi kerana sentiasa didampingi dan dinasihati oleh para ulama berbanding rakyat jelata. Pengetahuan rakyat hanya di tahap ibadah khusus, hal ehwal ketatanegaraan dan undang-undang tidak difahami oleh mereka. Oleh kerana itulah setiap titah sultan itu sama ada yang berhubung dengan undang-undang negeri atau adat Melayu dianggap perintah yang mempunyai kuasa undang-undang (*decree*).

Kesimpulannya, di era pemerintahan mutlaknya, Kesultanan Melayu-Bugis ini telah melaksanakan tanggung jawab mereka dan memainkan peranan penting terhadap perkembangan Islam di Selangor khususnya dalam usaha mandiri dan mendaulatkan negeri Selangor. Peranan kesultanan ini dalam aspek pendidikan lebih bersifat tidak langsung kerana perkembangan pendidikan ketika itu bukan tanggung jawab pemerintah tetapi ibu bapa kanak-kanak itu sendiri. Namun begitu sikap para Sultan Selangor yang menyintai ilmu dan mengasihi ulama telah menjadi teladan dan dorongan kepada perkembangan pendidikan di Selangor yang diajar secara tidak formal di masjid-masjid, surau-surau atau rumah-ramah imam sebagaimana pengajaran ilmu di alam Melayu yang lain.

²²⁸ Dalam Hukum Kanun Melaka – fasal 1.1: Peraturan Berpakaian – kesalahan bagi rakyat memakai pakaian berwarna kekuningan, kain kasa dan keris berhulukan emas – lihat Liaw Yock Fang, *Op.cit.*, h. 64; Teks undang-undang Thamarat al-Maʼlūb fī al-Anūār al-Qulūb – fasal 1: Tertib mengarak mempelai raja berusungan, pertama berjalan “lembing penganjur jalan”... – A. Samad Ahmad (1985), *Op.cit.*, h. 59

Di bidang undang-undang Kesultanan Melayu-Bugis hanya meneruskan perlaksanaan undang-undang yang sedia ada terutamanya undang-undang Johor/Riau kerana keakraban hubungan antara kedua-dua negeri ini. Ia juga kerana Selangor belum mampu mengeluarkan cendekiawan yang dapat menggubal suatu undang-undang khusus bagi negeri Selangor.

4.2. Era Pemerintahan Kesultanan Melayu Bugis di Bawah Kuasa Penjajah (Inggeris dan Jepun) sehingga 1957

Mulai akhir tahun 1874 sehingga 1957, negeri Selangor telah dikuasai oleh dua kuasa besar iaitu Inggeris dan Jepun. Selama 83 tahun itu pihak Inggeris telah menguasai sebahagian besar pemerintahan negeri Selangor dan berjaya mencatitkan masa depannya. Manakala Jepun walaupun menguasai dalam tempoh yang singkat (1942-1945) tetapi ia tetap memberi kesan terhadap pemerintahan Kesultanan Melayu-Bugis khususnya dalam perkembangan agama Islam di Selangor.

Pada Disember 1874 Orang-orang Inggeris secara rasminya telah mencampuri urusan pentadbiran kerajaan negeri Selangor dengan menubuhkan sistem residen. J.G. Davidson telah dilantik sebagai Residen Inggeris yang pertama di Selangor. Beliau ditugaskan menjadi penasihat kepada *Viceroy* iaitu Tengku Diauddin (Tengku Kudin) yang berpusat di Klang manakala Frank Swettenham pula

dilantik sebagai Penolong Residen iaitu menjadi penasihat kepada Sultan Abdul Samad di Langat sejak Oktober 1874²²⁹ lagi.

Sistem Residen ini merupakan intipati daripada Perjanjian Pangkor antara Sultan Perak dengan pihak Inggeris, ditandatangani pada 20 Januari 1874. Pemakaiannya kemudian diperluas ke negeri-negeri Melayu yang diletakkan di bawah Pejabat Kolonial Inggeris yang beribu pejabat di Singapura. Pada mulanya tugas Residen ini hanyalah sebagai penasihat kepada Sultan dalam semua hal kecuali perkara yang berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu, sultan tetap sebagai pemerintah. Tetapi dengan kuasa dan kepakaran mentadbir yang dimiliki oleh Inggeris ia kemudiannya bertukar, Residen sebagai pentadbir dan sultan pula sebagai penasihat melalui penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Sultan mulai hilang kuasa pemerintahan.

Pada 1 Julai 1896²³⁰, atas cadangan Frank Swettenham, pihak Inggeris telah menubuhkan sebuah persekutuan iaitu Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang mengandungi negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Tujuan penubuhan persekutuan ini ialah untuk menyelaraskan keempat-empat negeri itu di bawah satu dasar dan negeri-negeri yang kaya seperti Perak dan Selangor dapat membantu perkembangan negeri yang miskin seperti Negeri Sembilan dan Pahang. Dengan dorongan Sultan Idris dari Perak²³¹, raja-raja yang lain pun menyetujui usul

²²⁹ Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Said, *Op.cit.* h. 54

²³⁰ Swettenham F.A (1955), *British Malaya: An Account of The Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London: George Allen and Unwind Lt., h. 272

²³¹ Ryan N.J. (1965), *Semenanjung Tanah Melayu*. Daud Baharum (terj.), Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 139

itu kerana Swettenham menjelaskan bahawa raja-raja Melayu akan mempunyai lebih kuasa berbanding residen.

“The sultans, they not only accepted but desired federation because they believe that it would give them in the Residen-General, a powerful advocate of their needs and their view.....”²³²

Kebebasan residen dibatasi dengan perlantikan Residen General – Frank Swettenham sendiri ialah Residen General yang pertama. Pada hakikatnya Residen General ini menjadi penggerak dan penyetara dasar. Kuasa yang diserahkan oleh residen-residen, tidak juga terserah kembali kepada sultan sebagaimana yang diharapkan oleh para sultan tetapi kuasa-kuasa itu terletak pada pihak kekuasaan baru yang lebih tinggi di Kuala Lumpur dan lebih jauh daripada raja-raja.

Kekuasaan sultan-sultan sebenarnya bertambah kurang. Segala keputusan besar mengenai keempat-empat negeri dibuat di Kuala Lumpur dan pemerintah negeri semakin kurang berkesempatan untuk melaksanakan inisiatifnya sendiri. Kesan daripada penubuhan Negeri Melayu Bersekutu, tertubuhnya DURBAR – Majlis Persidangan Raja-raja Melayu yang membincangkan perkara yang berkaitan dengan Islam dan kepentingan orang Melayu, tetapi ia tetap tiada kuasa perundangan. DURBAR pertama diadakan pada 1 Julai 1897 di Kuala Kangsar, Perak²³³ dan yang kedua di Kuala Lumpur pada 1903. Selepas penubuhannya banyak keputusan tentang kemajuan Islam yang dipersetujui bersama pada dasarnya dilaksanakan di keempat-empat Negeri Melayu Bersekutu.

²³² Swettenham (1955), *Op.cit.* h. 274

²³³ *Ibid.* h. 288

Setelah berjaya menguasai pentadbiran awam melalui polisi yang dibuat dalam Majlis Mesyuarat Negeri, Inggeris mengalihkan tumpuan untuk campur tangan dalam hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu walaupun ia adalah hak Sultan. Perlu diingat kedatangan penjajah ini ke alam Melayu bukan saja kerana faktor ekonomi dan kuasa tetapi juga kerana faktor agama ²³⁴. Oleh kerana itu penjajah Inggeris ini datang membawa bersama sistem pentadbiran yang sistematik yang bersifat sekular. Sistem ini juga telah mengubah sistem politik Melayu tradisional.

Pada 8 Disember 1941 tentera Jepun telah mendarat di Tanah Melayu dan pada 15 Februari 1942 telah dapat mengalahkan pemerintahan Inggeris tetapi pada Ogos 1945 Jepun dapat dikalahkan semula oleh Inggeris. Tempoh pemerintahan Jepun yang singkat ini telah memberi banyak pengalaman dan pengajaran kepada penduduk Tanah Melayu khususnya orang-orang Melayu dan para Sultan sendiri.

Kehidupan sosial rakyat Selangor semasa Pendudukan Jepun seperti juga negeri-negeri Melayu yang lain, amat dhaif. Perubahan sosial yang mengejut

²³⁴ Penjajah Barat seperti British, Perancis dan Belanda datang ke alam Melayu bukan dengan dada yang kosong, bersama mereka pakar tentang ilmu timur seperti bahasa, sastera, tamadun dan agama yang di kenali dengan **Orientalis**. Golongan ini seiring dengan gerakan misionari Kristian yang memusuhi Islam kesan daripada Perang Salib. Pada kurun ke-18M akibat daripada Revolusi Perindustrian Eropah, kuasa-kuasa Barat telah bersaing meluaskan empayar di kawasan Timur termasuklah alam Melayu. Pihak penjajah dan Orientalis telah bekerjasama untuk melemahkan umat Islam. Jika penjajah menguasai negara Islam dengan kekuatan tentera, orientalis pula melemahkan umat Islam dari aspek kerohanian dan akidah sehingga penjajah akhirnya berjaya menundukkan orang Islam di bawah tamadun dan kebudayaan Barat. Pihak penjajah telah berjaya menggunakan kajian Orientalis bagi mengukuhkan dasar penjajahan mereka di negara-negara Islam, lihat Mahmud Hamdi Zaqrq (1989), *Orientalis: Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam*. Mudasir b. Rosder dan Che Yusuf b. Che Mat (ed.), Kuala Lumpur: DBP, h. 1-26; kejayaan Orientalis/misionari Kristian juga berjaya dalam misinya melalui pendidikan – sekolah Inggeris mahupun venakular, lihat Joh. Rauws et.al. (1935), "Far Eastern Religion", *British Malaya*, Vol.10, November 1935, London: Newton & Co Ltd. h. 177 – "there seems to be no doubt that by preaching the Christian message, by healing and by education, missionaries confer real benefits."

daripada kehidupan serba mewah kepada kehidupan melarat²³⁵ telah menyebabkan perubahan pemikiran rakyat Selangor tambahan pula propaganda dari pihak Komunis yang kebanyakan ahlinya daripada kalangan orang-orang Cina yang anti Jepun. Akidah Islam orang-orang Melayu turut goyang kerana mempercayai fahaman Komunis itu. Perubahan sosial dan akidah rakyat ini telah membimbangkan Sultan Selangor yang akan penulis bincangkan dibahagian peranan Kesultanan Melayu Bugis terhadap perkembangan Islam secara khusus.

4.2.1. Peranan Kesultanan Melayu-Bugis Sebagai Ketua Agama Islam

Berbanding dengan sultan-sultan di negeri-negeri Melayu yang lain seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu, Sultan-sultan Selangor kurang berperanan terhadap perkembangan Islam di era penjajah namun begitu adalah tidak wajar kita beranggapan bahawa para sultan itu tidak memberikan apa-apa sumbangan kepada perkembangan Islam di Selangor.

Peranan utama yang masih kekal dipelihara oleh Kesultanan Melayu-Bugis walaupun telah dijajah ialah peranannya sebagai ketua agama Islam dan lambang perpaduan rakyat khususnya bangsa Melayu di negeri Selangor. Peranan ini sebenarnya amat besar kerana sebagai ketua negara, sultan adalah tonggak dan

²³⁵ Keadaan ini turut dirasakan sendiri oleh Sultan Hishamuddin Alam Shah, (diturunkan takhta oleh Jepun dan digantikan oleh kekanda baginda Tengku Musaeddin dengan gelaran Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah) baginda bersama keluarga baginda terpaksa bercucuk tanam sendiri di sekeliling istana baginda- maklumat daripada wawancara bersama Raja Abdul Hamid bin Raja Nong di Istana Alam Shah Klang pada 20 Feb. 2002

menjadi teladan kepada rakyat untuk memelihara agama Islam agar terus kekal dan menjadi pegangan akidah rakyat negeri Selangor.

Di era penjajah daripada Inggeris hinggalah Jepun, Kesultanan Melayu-Bugis yang memerintah Selangor ialah Sultan Abdul Samad, Sultan Alaeddin Sulaiman Shah, Sultan Hisamuddin Alam Shah, Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah (Sultan Selangor ke-7 semasa pendudukan Jepun) dan tidak terkecuali Raja Muda Musa anakanda Sultan Abdul Samad yang tidak sempat menaiki takhta kerana mangkat terlebih dahulu. Kesemua sultan ini dimaklumi mempunyai akhlak yang mulia menurut Islam dan telah berperanan penting terhadap perkembangan Islam di Selangor. Titah Sultan Hisamuddin Alam Shah dalam mesyuarat (belanjawan) kelima, Bahagian ke-3 Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang ke-2, 1958:

“...Bagi orang-orang Islam Beta suka menyatakan iaitu ugama kita menyuruh kita berusaha dengan jalan yang suci bagi pencarian kehidupan kita. Beta berasa mustahak menegaskan iaitu sekarang sudahlah sampai masanya supaya kita tidak melupakan lagi ajaran-ajaran agama kita. Oleh sebab kejahilan dan kurang didikan maka banyak bilangan pemuda pemudi memandang kepada kesukaan saja dan menyebabkan mereka terpesona ke dalam pergaulan penghidupan yang ditegah oleh agama.”²³⁶

Di sini jelas kita lihat bagaimana prihatinnya Sultan Selangor terhadap perkembangan Islam dan bimbang akan kemerosotan akidah dan akhlak rakyatnya.

Sultan Abdul Samad walaupun tidak banyak menyumbang terhadap perkembangan Islam tetapi sikap baginda yang mulia mempertahankan Islam dalam kehidupan baginda dan keluarga daripada pengaruh Inggeris perlu dicontohi. Pihak

²³⁶ _____, Sejarah Kenangan DYMM Sultan Selangor 1378H/1959M. Boon Hua Press (t.t.p) (t.t),h. 17

Inggeris cuba untuk menjadikan istana Sultan Abdul Samad, cantik mengikut persepsi mereka, Sultan telah dibelikan pelbagai barangan Eropah termasuklah arak. Walau bagaimanapun Sultan menolak dengan baik, menurut laporan James Innes, magistrate di Langat:²³⁷

“....he preffered walking to driving and eating with finger according to Malay custom to use of forks; that wine forbidden by Koran ...”

Sultan Abdul Samad semasa di awal pemerintahannya iaitu ketika tiada lagi pergaduhan di dalam negeri Selangor, baginda menjadikan bendera negeri Selangor berwarna kuning dan merah beserta bulan bintang. Kuning bermakna tubuh kerajaan yang diumpamakan daging; warna merah itu tanda pemeliharaan yang diumpamakan darah; bulan bintang pula bermakna menerangi yang gelap. Adalah kerajaan mengaku meniti di atas jalan yang benar dengan keadilan; sekali-kali tiada berhajat hendak membuat aniaya di atas sesiapa jua bahkan sentiasa percaya kepada Allah dan Rasul-Nya.²³⁸ Kibaran bendera ini dapat menunjukkan bahawa Islam adalah paksi kepada pemerintahan Kesultanan Melayu-Bugis di Selangor.

Raja Muda Musa pula terkenal di kalangan Inggeris seorang yang kuat pegangan agama dan memusuhi mereka. Baginda telah menunaikan haji²³⁹ (lihat lampiran 1) dan sentiasa di kelilingi oleh para haji dan imam menyebabkan Douglas,

²³⁷ CO 273/117, Innes to Kimberly 2 Mei 1882

²³⁸ Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Said, *op.cit.*, h. 73-74; lihat juga Bird Isabella L. (1967), *The Golden Chersonese and The Way Thither*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 217

²³⁹ *Ibid.*, h. 226, Bird melawat Sultan Abdul Samad dan disambut oleh Raja Muda Musa untuk sampai ke istana di Langat pada tahun 1879.

Residen Inggeris ketika itu khuatir Raja Muda Musa akan bertindak menentang Inggeris apabila baginda menjadi Sultan.²⁴⁰ Sebagai seorang Islam yang taat, baginda juga mendidik anak-anaknya dengan pendidikan Islam, walaupun tiada bukti tetapi apa yang lahir dan yang diamalkan oleh Raja Sulaiman kemudiannya Sultan Alaeddin Sulaiman Shah jelas menunjukkan kesan daripada pendidikan yang diberikan oleh baginda kepada anak-anaknya sejak kecil apatah lagi baginda sentiasa di kelilingi oleh golongan agama.

Sultan Alaeddin Sulaiman Shah sejak menjawat jawatan Raja Muda lagi, menggantikan ayahandanya Raja Muda Musa pada 10 Disember 1887²⁴¹, baginda begitu prihatin terhadap perkembangan Islam di negeri Selangor kerana nenda baginda Sultan Abdul Samad telah menyerahkan segala urusan pemerintahan negeri terutamanya yang berkaitan dengan hal ehwal Islam kepada baginda, dan baginda sangat prihatin terhadap kebajikan rakyat. Sultan Alaeddin Sulaiman Shah seorang yang taat beribadat kepada Allah, tiada meninggalkan solat dan puasa, tidak menghisap candu dan meminum barang yang memabukkan dan tidak berjudi atau menyambung ayam.²⁴² Begitu juga Sultan Hisamuddin Alam Shah iaitu Sultan Selangor ke-6 dan ke-8, baginda terkenal seorang yang warak dan Sultan Melayu yang pertama menunaikan ibadah haji ke Mekah.²⁴³ Sultan Hisamuddin Alam Shah

²⁴⁰ Sel. Sec. 409/77 18 Dec. 1877, lihat juga Philip Loh Fook Seng (1969), *The Malay States 1877-1895: Political Change and Social Policy*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 19

²⁴¹ Daeng Abdul Hamid Ibni Daeng Muhammad Hasib (1938), *Sentosa Ketakhtaan Selangor*. (t.p), h.6

²⁴² Wan Muhammad Amin, *Op.cit.*, h. 77

²⁴³ Mohd. Yusoff Hashim (1985), *25 Tahun Pemerintahan DYMM di atas Takhta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (1960-1985)*. Shah Alam: Penerbitan Sarjana, h. 20

dan ayahandanya juga mempunyai ilmu agama yang tinggi sehingga mampu memberi khutbah ketika solat Jumaat.²⁴⁴

Bakal-bakal sultan dalam Kesultanan Melayu-Bugis, walaupun mereka belum bergelar Sultan yang mempunyai tanggung jawab dan amanah yang besar ke atas rakyat tetapi karisma mereka dan rasa tanggung jawab terhadap rakyat dan negeri telah kelihatan dan dapat dikesan oleh pemerintah Inggeris dan memilih mereka untuk menjawat jawatan Raja Muda seterusnya pengganti Sultan. Raja Sulaiman sebelum bergelar Raja Muda (setelah kemangkatan ayahandanya Raja Muda Musa, baginda pulang ke Langat dan tidak lagi meneruskan pengajiannya di Raffles Institution, Singapura) baginda telah mengusahakan ladang tebu serta membuka kilang membuat gula, membuka ladang kelapa dan bersawah padi di Bandar, Langat.²⁴⁵ Manakala Tengku Alam Shah (kemudian Sultan Hisamuddin Alam Shah) ketika bergelar Tengku Panglima Raja Selangor lagi, baginda telah berusaha memajukan bangsa Melayu dengan menubuhkan syarikat kedai barang-barang di Bandar, Langat pada tahun 1923.²⁴⁶

“Jauh berjalan luas pandangan”, pepatah ini tepat menggambarkan tindakan baginda Tengku Alam Shah selepas kembali daripada lawatan ke Sumatera dan Tanah Jawa. Baginda bersama pembesar-pembesar Melayu Selangor telah menubuhkan perusahaan Melayu Selangor dan baginda telah dipilih sebagai Yang

²⁴⁴ Ibid., h. 11, maklumat yang sama diperolehi dari wawancara dengan bekas Mufti Selangor, Dato' Ishak Baharom pada 13 Feb. 2002 di rumahnya di Tmn Sri Andalas Klang jam 2.30 ptg.

²⁴⁵ Daeng Abdul Hamid Ibni Daeng Muhammad Hasib, *Loc.cit.*

²⁴⁶ Sejarah Kenangan DYMM Sultan Selangor, *Op.cit.*, h.2

Dipertuanya. Pada Februari 1934, baginda berjaya mengadakan pameran segala barangan hasil usaha orang-orang Melayu dan telah membuka sebuah kedai dengan nama Perusahaan Melayu Selangor di Sultan Street, Klang untuk memasarkan barangan tersebut. Sebelum itu pada 1933 baginda telah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan Yang Dipertua Madrasatul Ulumuddiniyah dan madrasah kanak-kanak perempuan di Klang.²⁴⁷

Dalam mesyuarat pembesar-pembesar dan orang-orang kenamaan Selangor untuk memilih Raja Muda Selangor yang baru menggantikan Tengku Musaeddin yang terpaksa meletakkan jawatan sebagai Raja Muda pada 28 November 1934, T.S. Adams Residen Inggeris ketika itu menyatakan dalam ucapan alu-aluannya:

“Mesyuarat Orang-orang Besar Negeri Selangor ...bukannya akan merundingkan perkara yang ringan sahaja melainkan kemajuan negeri dan kejayaan bangsa Melayu haruslah bergantung kepada pemilihan bakal raja. Oleh sebab itu ...wajiblah berfikir siapa daripada putera DYMM Sultan yang layak dan boleh tahan tanggungan yang amat berat berkenaan dengan takhta kerajaan. Janganlah fikir sahaja “inilah suka, inilah seronok, inilah senang” sebab rosak bangsa kerana laku.

...Hendaklah dipilih seorang yang telah nampak jasanya menjalankan usaha dengan inisiatif sendiri dengan tiada menantikan apa-apa syor atau perintah, jika tiada demikian nescaya tiadalah dapat ia memelihara akan keselamatan negeri dan bangsa Melayu, oleh kerana pada masa yang ke hadapan ini seorang raja yang memerintah itu tiada boleh menantikan cadangan-cadangan yang diajuka padanya sahaja tetapi hendaklah dengan sendirinya memikirkan perkara-perkara yang memberi kebajikan kepada negerinya...”²⁴⁸

²⁴⁷ *Ibid.*, h. 3

²⁴⁸ C.O 717/117, “MTBRMS” Appendix VI, h.27

Keputusan mesyuarat itu, majoriti menyokong Tengku Alam Shah (baginda ialah putera ketiga Sultan Alaeddin Sulaiman Shah) sebagai Raja Muda Selangor yang baru kerana akhlak mulia dan usaha-usaha yang telah baginda laksanakan amat layak untuk menjawat jawatan Raja Muda Selangor. Keputusan ini walaupun menimbulkan kontroversi terhadap hak dan keistimewaan Sultan Selangor kerana telah dicabuli oleh Inggeris kerana mengeneipkan hak putera sulung atau kedua Sultan, namun apa yang penulis ingin tonjolkan ialah kewibawaan dan akhlak mulia seorang putera raja itu merupakan suatu ciri penting untuk menyandang gelaran Sultan yang berperanan sebagai ketua agama Islam bagi negeri Selangor dan seluruh jajahannya.

Secara ringkasnya penulis dapat menyimpulkan bahawa kesemua Sultan Selangor yang bertakhta di negeri Selangor itu (sehingga tahun 1957- tempoh kajian penulis) sememangnya layak menjadi ketua agama Islam dan khalifah Allah di bumi di negeri ini. Pegangan yang teguh dan minat yang mendalam kepada Islam inilah yang menyebabkan agama Islam masih menjadi akidah rakyat negeri Selangor sehingga ke hari ini.

4.2.2. Kesultanan Melayu-Bugis dan Perkembangan Pentadbiran Undang-undang Islam

Sebelum kedatangan Inggeris, bidang kuasa sultan merangkumi semua aspek pemerintahan negeri termasuk kuasa perundangan dan penghakiman tetapi kini kuasa sultan terhad hanya kepada hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu sahaja. Urusan

pentadbiran negeri dipegang oleh regim Inggeris ini dan mereka sengaja menolak undang-undang tanah/asas (law of the land) – Undang-undang Melayu Islam yang telah diguna pakai di Selangor²⁴⁹. Mengapakah undang-undang tanah/asas (law of the land) begitu mudah diketepikan? Mengapakah pihak sultan tidak menunjukkan apa-apa reaksi terhadap pencabulan ini?

Antara faktor yang menyebabkan undang-undang Inggeris menggantikan undang-undang tanah/asas di Selangor, penulis melihat daripada dua sudut – faktor dalaman (pihak Melayu) dan faktor luaran (pihak Inggeris) Daripada faktor dalaman, pertama ialah dasar terbuka Sultan Abdul Samad dan sikap baik sangka terhadap orang luar, baginda menyerahkan semua urusan pemerintahan kepada Tengku Kudin Wakil Mutlak baginda dan Residen.

Sebagai Sultan, baginda hanya memikirkan keamanan dan kemajuan negeri dan rakyat baginda terutama selepas Perang Klang yang banyak mengorbankan nyawa rakyat dan membawa kerugian besar kepada Selangor. Campur tangan Inggeris dalam Selangor memanglah atas permintaan Sultan Abdul Samad²⁵⁰ sendiri kerana baginda percaya regim Inggeris dapat membantu baginda mentadbir negeri

²⁴⁹ Dalam kes **Reg Iwn Williams**, Sir Benson Maxwell melaporkan bantahan penerusan Undang-undang Islam Kedah di Pulau Pinang “... jika Raja Kristian ingin menakluki sebuah negara yang tidak berkepercayaan Kristian dan meletakkannya di bawah kerajaannya maka *ipso facto* undang-undang negara yang menganut agama lain menjadi terbatal” lihat (1858) 3 Ky.16, hal.21 dalam Ahmad Ibrahim (1995), *Mendekati Sejarah Undang-undang di Malaysia dan Singapura*. Muhammad Bukhari Abd Hamid (terj.), Kuala Lumpur: DBP, h. 22

²⁵⁰ Selangor Document of 18 November 1874 – Proclamation by the Sultan of Selangor, “... We have a British Officer by our request from His Excellency Sir Andrew Clarke....from his Government to live with us and aid and advise us, in order that We may rule our country with justice and to protect the lives of the merchants as well as of the people of every nation.” lihat *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting The States of Malaysia 1761-1963* (1981), Allen, J de , et al.(ed), (t.t.p), Oceana Publication, Vol.1, h. 444

dan memelihara keamanan di Selangor. Penulis percaya Sultan Abdul Samad tidak terfikir bahawa kedatangan Inggeris ini mempunyai muslihat dan rancangan jahat tertentu.²⁵¹ Baginda (termasuklah Raja-raja Melayu yang lain) berpendapat pertolongan Inggeris mentadbir negeri sama seperti pertolongan datuk moyang baginda – Daing lima bersaudara yang turun dari Tanah Bugis membantu Raja-raja Melayu memerintah negeri (sebagaimana dinyatakan dalam bab II – institusi raja tradisional kekal terpelihara.)

Faktor kedua ialah Tengku Kudin sendiri sebagai Wakil Mutlak Sultan dan *persona grata* iaitu satu-satunya pembesar Melayu yang diterima oleh Pemerintah Negeri Selat di Singapura. Gaya hidup Tengku Kudin lebih cenderung kepada cara barat, cita rasanya banyak yang bertentangan dengan Islam dan adat Melayu²⁵² Beliau sangat mengkagumi cara pentadbiran Inggeris. Menurut Muhammad Ibrahim Munsyi seorang jurubahasa kepada Inggeris yang melawat Klang pada 1872,

“ pengaruh Inggeris amat jelas kelihatan pada nama-nama jalan di Klang seperti King Street, Beach Street, Market Street, Wharf Street, Mosque Street.Maka fikiranku menyatakan dari sebab mereka itu biasa dalam Pulau Pinang, itulah diikutnya demikian dengan tiada berfikir lagi untuk membezakan antara perintah Inggeris dengan perintah Melayu”²⁵³

²⁵¹ Penjahat Barat datang ke alam Melayu bersama dengan idea Orientalis dan Misionari Kristian – lihat matlamat dan objektif Misionari Kristian oleh pengasas majalah Dunia Islam keluaran 1911, “Sesungguhnya gerakan misionari yang diperhebat di negara-negara Islam mempunyai dua matlamat utama iaitu mempertahankan dan menjahanamkan; mempertahankan pengaruh Kristian dan menjahanamkan kesedaran keimanan dan beragama di kalangan orang-orang Islam” lihat Chateleir A Le (1979), *Ancaman Ke Atas Dunia Islam*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 23

²⁵² Senarai belian Tengku Kudin dari sebuah firma di Singapura antara bulan April 1872 dan Julai 1873 – “ included a meerscham pipe, tobaccoa gold eyes glass...a bottle of port wine....a dog collar and cheese” lihat Sel.Sec. 235/76; Beliau juga membela dua ekor anjing import di rumahnya lihat Muhammad Ibrahim Munshi (1980), *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*. Pengenalan dan anotasi oleh Mohd. Fadzil Othman, Kuala Lumpur:DBP, h. 84

²⁵³ *Ibid*, hh. 86-87

Oleh itu tidak hairanlah beliau hanya menumpukan kemajuan fizikal terutamanya di Klang dan kurang memberi perhatian kepada pembangunan kerohanian iaitu agama Islam. Dan keadaan ini telah dimanipulasikan oleh Inggeris untuk menerapkan undang-undang mereka di Selangor tanpa tentangan.

Faktor ketiga ialah kurangnya tokoh agama yang mempunyai ilmu Islam yang tinggi seperti di Riau dan Aceh. Imam-imam yang ada di Selangor ketika itu sekadar memiliki pengetahuan asas tentang Islam, tidak mencapai ke tahap ilmu kenegaraan dan pemerintahan kerana tahap pendidikan yang ada di Selangor lebih rendah berbanding dua negeri yang disebut di atas. Ilmu yang mereka ada itupun mereka pelajari dari tempat asal mereka khususnya di Sumatera. Fenomena ini menyebabkan mereka kurang sedar dan tidak mendesak Sultan menentang Inggeris apabila pelbagai peraturan mengenai “undang-undang Islam” diperkenal.

Kerajaan Selangor sejak 1886 lagi melalui Majlis Mesyuarat Negeri menemui masalah untuk mencari seorang yang boleh dilantik sebagai kadi besar, dan mereka yang dilantik sebagai kadi besar itupun bukan orang tempatan Selangor tetapi dibawa dari luar seperti dari Pulau Pinang. Pada 1891 jawatan kadi besar ini telah dikosongkan kerana tiada orang yang sesuai untuk jawatan itu.²⁵⁴

Penjawat-penjawat jawatan Kadi Besar dan Sheikh al-Islam di Selangor sebelum 1953, bukan rakyat negeri Selangor tetapi ulama luar yang di bawa ke

²⁵⁴ Siri perbincangan mengenai perkara ini lihat dalam Selangor Estimates 1891-1895.

negeri ini atas permintaan Sultan. Kadi-kadi Besar seperti Tuan Hj. Yusuf Semarang – seorang peranakan Jawa (1898/1899 – 1900), Tuan Syed Abdul Rahman bin Idrus Al-Jaffri (Wan Sembok Riau) (1900-1914 – meninggal dunia dan dikebumikan di Klang) dan Sheikh al-Islam pertama iaitu YM Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman (1935-1952), beliau berasal dari Patani dan kemudian menjadi tokoh agama di Masjid al-Haram Mekah, sebelum dijemput ke negeri Selangor.²⁵⁵

Faktor dalaman keempat pula ialah kejayaan Inggeris memberikan kemajuan dan pembangunan di Selangor dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang lain akibat daripada peningkatan hasil pendapatan negeri²⁵⁶. Keadaan ini telah mempesona dan mengaburi mata para sultan bahawa sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh kolonial Inggeris itu terbaik berbanding dengan apa yang mereka amalkan secara tradisi. Oleh kerana itu penyisihan undang-undang tanah/asas itu tidak diendahkan oleh sultan dan pembesar-pembesar kerana undang-undang dan pentadbiran Inggeris itu dirasakan lebih baik dan sistematik.²⁵⁷

Manakala faktor luaran (pihak Inggeris) pula ialah keberkesanan sistem residen dan pentadbiran yang kemas dan sistematik sama ada pentadbiran awam mahupun pelaksanaan undang-undang. Satu ciri penting dalam sistem residen ialah

²⁵⁵ Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Said, *Op.cit.*, h. 60; juga dari maklumat dari bahan pameran di Muzium Sultan Alam Shah, Selangor.

²⁵⁶ Swettenham (1955), *Op.cit.*, h. x, menurutnya :“From a revenue which in 1874 could not have reached £200,000, the four FMS in 1940 enjoyed a revenue of £12,000,000 with a trade valued at £ 67,000,000 of which the export duty tin gave £2,500,000 and on rubber over £ 800,000.”

²⁵⁷ *Ibid.*, Swettenham mengambil kata-kata Sultan Idris Perak yang menafikan pihak Inggeris menjadikan para sultan sebagai boneka “What is the matter with this man? ...Of Course you do the work – that is what you are paid for . You always consult me about everything of importance before it is done ...You are trained for the job.”

Majlis Mesyuarat Negeri (State Council). Ia dianggotai oleh sultan sebagai presiden, pembesar-pembesar Melayu, seorang atau dua wakil orang Cina dan residen.

Majlis Mesyuarat Negeri ini merupakan badan eksekutif yang menentukan semua perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Selangor dan badan legislatif yang membahas serta meluluskan semua undang-undang yang hendak dilaksanakan. Presiden pertama Majlis Mesyuarat Negeri (Selangor State Council) ialah Tengku Kudin (Wakil Mutlak Sultan Selangor) dan mesyuarat kali pertamanya di adakan pada tahun 1877.²⁵⁸

Walaupun Sultan atau wakilnya dilantik sebagai presiden Majlis Mesyuarat Negeri yang melambangkan sumber perundangan dan pentadbiran tetapi Sultan tiada apa-apa kuasa terhadap penggubalan undang-undang, kalau adapun hanya setakat lewat-lewatkan pelaksanaan undang-undang itu sahaja kerana semua dokumen dan undang-undang perlu mendapat cop kuasa Sultan sebelum dilaksanakan. Semua dokumen itu telah disediakan terlebih dahulu oleh Residen di pejabatnya.

Penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri sudah cukup membuktikan keinginan Inggeris mencampuri semua hal ehwal pentadbiran negeri Selangor termasuklah yang berkaitan dengan Islam kerana sebelum ini undang-undang Islam yang disesuaikan dengan adat kebudayaan Melayu meliputi semua aspek kehidupan dari segi kenegaraan, jenayah sehinggalah kepada undang-undang diri/keluarga.

²⁵⁸ Pada 1878 Raja Muda Musa menggantikan Tengku Kudin sebagai Presiden apabila Tengku Kudin bersara dan kemudiannya Sultan Abdul Samad sendiri pada 1884 setelah kemangkatan Raja Muda Musa iaitu anakanda baginda.

Kedatangan Inggeris melalui Majlis Mesyuarat Negeri telah mengeneppikan undang-undang tanah/asas – Melayu-Islam dan menyempitkan skopnya hanya yang berkaitan dengan nikah, cerai dan pembahagian harta pusaka yang mereka kategorikan sebagai “*personal law*”. Kesalahan-kesalahan jenayah juga hanya yang melibatkan kesalahan zina (melibatkan orang Melayu/Islam sahaja) dan tidak hadir solat Jumaat²⁵⁹. Jenayah berat yang lain telah disabitkan melalui undang-undang Inggeris.

Undang-undang “Islam” inilah yang menjadi hak Sultan. Walaupun begitu Inggeris terus juga mencabuli peruntukan yang menjadi hak kekuasaan Sultan dengan alasan adalah suatu yang sukar mengasingkan urusan agama Islam – nikah, cerai dan lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan Islam kerana ia melibatkan keamanan dalam negeri.²⁶⁰ Oleh itu pelbagai peraturan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri dan undang-undang itu didasarkan kepada undang-undang yang diamalkan di India dan di Negeri-negeri Selat seperti Regulation no. 1 of 1884: A Regulation to provide for the Appointment of a Kathi and for the Registration of Marriage, Divorce and Burials among Muhammadan²⁶¹ dan Regulation no. 1 of 1889: A Regulation to define the Jurisdiction of District Magistrates (termasuklah bidang kuasa para kadi).²⁶²

²⁵⁹ Sadka Emily (1968), *The Protected Malay States 1874-1895*. Kuala Lumpur: University Malaya Press, h. 269.

²⁶⁰ *Ibid.*, h. 265.

²⁶¹ Kemp B.A Ceyzer (1892), *State of Selangor : Regulations & Rules and Orders from 18th April 1877 to the 31th Dec 1889*. Magistrate of Kuala Lumpur, h. 9

²⁶² *Ibid.* hh. 99-100

Walaupun perlaksanaan undang-undang ini dijalankan oleh kadi tetapi ia tetap dikawal selia oleh magistrate Inggeris.²⁶³ Pada 1894 telah diluluskan pula undang-undang mencegah zina yang hanya terpakai ke atas orang Islam iaitu The Prevention of Adultery Regulation 1894,²⁶⁴ ia kemudiannya dipinda apabila Selangor Muhammadan Law Enactments 1904 diluluskan. Lihat lampiran 7.

Undang-undang Inggeris yang dilaksanakan di Selangor ialah suatu bentuk peraturan bertulis (statutori) dan pentadbiran pengadilan untuk menangani kesalahan-kesalahan dan ia memberi kesan undang-undang ke atas pesalah. Pesalah-pesalah dibicarakan di suatu tempat khas dinamakan mahkamah; dihakimi oleh *magistrate* yang bebas daripada kongkongan pemerintah. Sedangkan undang-undang tanah/asal – Undang-undang Melayu-Islam yang ada di Selangor mempunyai pelbagai kelemahan terutama dari segi pentadbiran perundangan dan pengadilan.

Menurut Moshe Yegar,²⁶⁵

“There were no kahtis in Malaya until the era of British intervension. Islamic legal doctrine appeared in the Malay codes but there is no evidence to show that it or any part of codes was effective law.”

Dakwaan Moshe Yegar itu mungkin agak keterlaluan kerana dalam Sejarah Melayu sudah terdapat istilah kadi²⁶⁶. Ini menunjukkan jawatan kadi itu sudah ada dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka yang kemudiannya terus diwarisi oleh kerajaan

²⁶³ Sadka (1968), *Op.cit.* h. 270

²⁶⁴ *Selangor Regulation XI*, 1894

²⁶⁵ Yegar, Moshe (1979), *Islam and Islamic Institutions in British Malaya*, Jerusalem: The Magnes Press, The Hebrew University, h. 20

²⁶⁶ Shellabear W.G (1978), *Sejarah Melayu*. c. 4, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 147

Melayu yang lain, namun begitu jika diteliti jawatan kadi itu hanyalah sebagai penasihat agama kepada sultan. Kadi akan sentiasa berdamping dengan sultan di setiap majlis kerajaan²⁶⁷. Dalam heirarki pentadbiran istana, kadi tidak mempunyai kedudukan khusus dan jawatan kadi itu tidak sama dengan jawatan *magistrate* dalam sistem perundangan Inggeris yang mengadili kes dan menjatuhkan hukuman ke atas pesalah. Dalam tradisi pemerintahan Kesultanan Melayu, hanya sultan sahaja yang boleh menjatuhkan hukuman atau pembesar jika di peringkat daerah.²⁶⁸

Faktor kedua ialah polisi W. Bloomfield Douglas Residen Inggeris kedua (1876-1882) di Selangor yang ingin menghapuskan 'elemen raja' dalam pentadbiran Selangor dan menggunakan sepenuhnya kuasa eksekutif Majlis Mesyuarat Negeri ketika melaksanakan pelbagai peraturan.²⁶⁹ Tindakan drastik beliau ini menyebabkan Tengku Kudin bersara dari jawatannya sebagai Wakil Multak Sultan dan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Beliau digantikan oleh Raja Muda Musa yang terkenal seorang yang kuat pegangan Islam dan jati diri Melayunya, walaupun begitu baginda tidak berupaya menghalang tindakan Douglas daripada menghapuskan 'elemen raja' itu.

Daripada faktor-faktor di atas, penulis dapat menyimpulkan bahawa Inggeris merupakan salah satu kuasa besar Barat yang mempunyai kekuatan tentera dan

²⁶⁷ Peranan kadi juga ialah sebagai jurunika dan membacakan doa selamat dalam upacara seperti bercukur, berinai dan kematian lihat Van Ronkel Phs. S (1929), *'Adat Radja-radja Melajoe* (edisi Jawi), Leiden: (t.p), h. 15 dan 40; lihat juga *Adat Raja-raja Melayu* (1964), Tardjan Hadidjaya (ed.), Kuala Lumpur: Pustaka Antara, , hh. 12, 32 dan 54.

²⁶⁸ Gullick (1978), *Op.cit.*, h. 52

²⁶⁹ Douglas berpendapat " the Raja element must come down" is a recognition of the dispersal of power in the traditional Malay political structure which left to the Sultan o position more of symbolic and titular prominence than of effective authority – Gullick J.M, "Bloomfield Bouglas Diary 1876-1882", *Glimpses of Selangor*, h.103

ekonomi, mempunyai pengalaman yang luas tentang negeri jajahan seperti di Afrika dan India, adalah mustahil bagi pihak raja-raja Melayu dapat menangkis polisi penjajahan mereka. Raja-raja Melayu pula tiada pengetahuan dan pengalaman yang luas tentang kuasa penjajah barat ini.

Jika kita melihat sesuatu perkara itu secara berorganisasi, kita akan lihat bahawa peranan Kesultanan Melayu-Bugis terhadap perkembangan Islam di Selangor lebih jelas di era penjajah kerana itulah saja bidang kuasa yang tidak “disentuh” oleh Inggeris. Hak inilah yang lebih diberi tumpuan oleh sultan-sultan selain ia terus berhubung langsung dengan rakyat jelata. Walau bagaimanapun sistem pentadbiran Inggeris yang sistematik itu turut mempengaruhi pentadbiran agama Islam dari peringkat negeri hinggalah ke peringkat kampung. Pentadbiran Islam ini telah ditadbir secara ‘*state-wide basis*’ iaitu ditadbir secara berpusat daripada istana, urusan agama Islam menjadi urusan peringkat negeri. Sebelum ini ia merupakan urusan pembesar daerah dan imam-imam kampung sahaja.

Kepimpinan peringkat kampung mempunyai hubungan langsung dengan istana di mana istana memilih ahli agama dari peringkat kampung untuk dilantik sebagai kadi di peringkat daerah. Dengan itu juga Sultan dapat menyelia dan memantau aktiviti imam-imam di masjid-masjid seluruh negeri bertepatan peranan Sultan sebagai ketua agama Islam di Selangor.²⁷⁰

²⁷⁰ Gullick J.M (1998), *Op.cit.*, h.133

Kesultanan Melayu-Bugis bertanggung jawab secara evolusi mulai 1875 – 1952 menjadikan urusan hal ehwal agama Islam daripada sub-komiti hinggalah sebagai satu badan berorganisasi dan mempunyai pejabatnya sendiri. Dan akhir sekali berjaya menggubal undang-undang pentadbiran hal ehwal Islam Selangor pada tahun 1952.

Pada tahun 1877 bahagian yang menguruskan hal ehwal Islam bermula hanya dengan sub-komiti daripada Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang dianggotai oleh Sultan atau wakilnya (Wakil Mutlak Sultan iaitu Tengku Kudin dan kemudiannya Raja Muda) dan pembesar-pembesar Melayu yang juga ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Peranan Sultan sebagai Presiden Majlis Mesyuarat Negeri dan bertanggung jawab terhadap Islam ketika itu hanyalah melantik para imam menjadi kadi atau naib kadi di setiap daerah di Selangor²⁷¹ juga melantik kadi besar sebagai rujukan kepada para kadi dan naibnya jika timbul masalah.²⁷²

Pada 1931 iaitu semasa pemerintahan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah, sub-komiti ini dikemaskinikan lagi dan diberi nama Jawatankuasa Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Selangor (The Religious and Customary Committee of State). Jawatankuasa ini mempunyai sedikit kuasa eksekutif dan ia akan menimbangkan semua persoalan mengenai agama Islam seperti perlantikan dan persaraan kadi, guru-guru agama, kes-kes rayuan mahkamah yang berkaitan dengan undang-undang

²⁷¹ Sel. Sec. 380/78 – minit mesyuarat tentang perlantikan seorang imam di Klang; Sel. Sec. 1521/84 – minit oleh Pemangku Residen pada 21 Ogos 1884 tentang perlantikan imam di Setapak.

²⁷² Sel. Sec. 102/89 – Surat Sultan Abdul Samad kepada Residen bertarikh 26 Disember 1888 tentang perlantikan kadi besar yang didatangkan dari Pulau Pinang

Islam; pembiayaan membina dan memperbaiki masjid-masjid.²⁷³ Ketika Sultan Alaeddin Sulaiman Shah menjadi Raja Muda lagi baginda telah memperlihatkan kesungguhan terhadap pembaikan taraf pentadbiran undang-undang Islam di Selangor. Baginda telah mengubah peraturan, setiap nikah kahwin cerai bagi setiap pasangan Muslim perlu didaftarkan. Penggunaan surat saman dan subpoena diadakan untuk memudahkan tugas pegawai-pegawai syariah.²⁷⁴

Pada September 1894, baginda telah menyerahkan kepada Pemerintah Negeri-negeri Selat satu draf undang-undang berhubung dengan kesalahan-kesalahan antara lelaki dan wanita menurut undang-undang Islam tetapi diketepikan dengan mudah oleh Inggeris.²⁷⁵ Sebagai salah sebuah negeri Melayu Bersekutu, tindakan Raja Muda Sulaiman kemudiannya Sultan Alaeddin Sulaiman Shah merupakan tindakan bersama oleh Sultan-sultan dan Yam Tuan Besar Negeri Melayu bersekutu yang lain, contohnya Sultan-sultan ini mendesak Residen masing-masing dan Residen-General supaya mengadakan undang-undang melarang menjual makanan kepada orang Islam di siang hari bulan Ramadan. Pada 1914 undang-undang berkenaan perkara tersebut diluluskan dan dipakai di semua Negeri-negeri Melayu Bersekutu.²⁷⁶

Pada 16 September 1933, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor telah meluluskan penubuhan suatu jawatankuasa yang dinamakan Committee Ugama

²⁷³ FMS Annual Report, 1931. h. 60

²⁷⁴ Daeng Abdul Hamid Ibni Daeng Muhamad Hasib, *Op.cit.*, h. 7

²⁷⁵ CO 273/197 Dispatch No. 18486 Sept. 1894

²⁷⁶ No. 36 Mac 21 1915 Selangor Enactment No.1 of 1915; No. 22 Mac 26 1915 Perak Enactment No.1 of 1915; No. 31 April 23 1915 Negeri Sembilan Enactment No.2 of 1915.

Islam dan Adat Istiadat Negeri iaitu bagi menimbang segala perkara yang bersabit dengan agama Islam termasuklah yang berkaitan dengan mahkamah syariah dan ulang bicara.²⁷⁷ Pada zaman pemerintahan Jepun, mereka sedikit sebanyak membantu memperkukuh penyusunan pentadbiran Islam. Pada tahun 1944, Jepun telah mewujudkan Majlis Agama Islam di seluruh Tanah Melayu kecuali Perlis, Kedah, Terengganu dan Kelantan – diserahkan kepada pemerintahan Siam²⁷⁸.

Di Selangor Majlis Mesyuarat Ugama dan Adat-Istiadat Melayu Selangor ditubuhkan pada 24 September 1944 yang dipengerusikan oleh Sheikh al-Islam Setia Diraja, Selangor. Pentadbiran Majlis ini dibahagi kepada empat jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Undang-undang Islam, Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah, Jawatankuasa Pelajaran Ugama dan Jawatankuasa Mentadbir Khairat. Pengurusan Majlis Agama ini diserahkan kepada daya usaha dan tanggung jawab Sultan iaitu Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah.²⁷⁹

Selepas kekalahan Jepun dan pihak Inggeris kembali menguasai Tanah Melayu, Sultan Hisamuddin Alam Shah telah diangkat semula sebagai Sultan Selangor.²⁸⁰ Baginda melihat rakyatnya sedang mengalami keruntuhan akhlak dan akidah yang sangat membimbangkan. Keperitan hidup akibat peperangan Dunia Ke-2, dasar “menjepunkan” penduduk tempatan yang diamalkan oleh Jepun, seperti

²⁷⁷ FMS No. 732/G856/1933 – Report on the Development of the Selangor State Council as a Result of the Decentralisation Policy.

²⁷⁸ Kecenderungan Jepun dalam hal ehwal Islam ini, lebih kepada faktor politik untuk terus menguasai Tanah Melayu dan mengekang kemarahan orang-orang Melayu.

²⁷⁹ Yoichi Itagaki (1962), “Some Aspects of The Japanese Policy For Malaya Under The occupation , With special Reference to Nationalism” ,Tregonning K.G (ed),*Papers on Malayan History, Journal South East Asian History*, Singapore: (t.p), h. 258

²⁸⁰ Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah (1942-1945), Sultan Selangor yang ke-7 yang diangkat oleh Jepun dan diturunkan semula dari takhta apabila Inggeris kembali berkuasa.

menyembah matahari pada setiap perhimpunan pagi, telah merosakkan akidah orang-orang Melayu.²⁸¹ Menurut Tan Sri Datuk Seri (Dr) Hj Aishah Ghani yang mengalami sendiri keperitan hidup di zaman pemerintahan Jepun,

“Saya percaya jika lebih lama lagi Jepun memerintah di Tanah Melayu, mereka pasti dapat menjepunkan Tanah Melayu ...dan tidak mustahil agama Islam juga disisihkan kerana Jepun tidak mementingkan agama. Rakyat dipaksa menggunakan bahasa Jepun dan mengamalkan budaya mereka walaupun ia bertentangan dengan adat Melayu dan agama Islam seperti setiap pagi menyanyikan lagu *kimigayo* dan menundukkan kepala menghadap matahari terbit.”²⁸²

Pada masa yang sama juga orang-orang Melayu telah dihasut oleh pihak Komunis yang tidak bertuhan untuk menentang pemerintahan Jepun yang zalim. Keadaan ini telah menambahburukkan lagi pegangan akidah bangsa Melayu ketika itu.

Dalam tahun 1945 berasaskan penyusunan Majlis Agama yang sedia ada, Sultan Hisamuddin Alam Shah telah mendesak supaya diadakan satu institusi yang mentadbir hal ehwal Islam di Selangor yang lebih menyeluruh. Pada 1 Oktober 1945 baginda telah melantik Raja Nong bin Raja Hussin menjadi setiausaha Jabatan Hal Ehwal Islam yang dirancang dan pejabatnya ditempatkan berhampiran dengan istana Kota Kelang. Penubuhannya adalah tidak rasmi oleh itu segala urusan adalah di bawah pengawasan Sultan dan perbelanjaan dibiayai oleh peruntukan Diraja.²⁸³ Penubuhan jabatan ini bukan sahaja dapat memperbaiki akhlak dan akidah

²⁸¹ Sejarah Kenangan DYMM Sultan Selangor, Op.cit., h. 11.

²⁸² Beliau ketika zaman pendudukan Jepun berumur lingkungan awal 20an. Wawancara dengan beliau pada 20 Januari 2003, jam 3.00ptg di pejabatnya di Wisma Jayanita, Kg Baru Kuala Lumpur.

²⁸³ Ahmad Rafai Abdullah, Struktur (1970/71), “Organisasi dan Fungsi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor”(Latihan Ilmiah Universiti Malaya),h. 27

masyarakat tetapi juga dapat menyekat fahaman Komunis yang menjadi ancaman besar kepada kerajaan Negeri Selangor ketika itu.²⁸⁴

Keprihatinan Sultan Hisamuddin Alam Shah terhadap Islam telah membuka mata Kerajaan Negeri Selangor untuk memperuntukkan perkara mengenai hal ehwal Islam dalam Undang-undang Tubuh Negeri Selangor yang mula digubal pada tahun 1947 dan pada 1948, Jabatan Hal Ehwal Islam ini ditubuhkan secara rasmi.²⁸⁵ Walaupun begitu Selangor belum mempunyai satu undang-undang pentadbiran agama Islam yang lengkap. Pada 13 November 1950, Kerajaan Negeri Selangor mengadakan mesyuarat dan dalam mesyuarat itu baginda telah melantik satu jawatankuasa bagi mengkaji dan menimbang perkara-perkara mengenai baitulmal, kutipan zakat dan fitrah²⁸⁶ serta menubuhkan mahkamah syariah seterusnya menubuhkan rang undang-undang bagi mentadbirkannya.²⁸⁷

Pada 5 Disember 1952,²⁸⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor dikuatkuasakan dan negeri Selangor merupakan negeri Melayu pertama di Tanah Melayu yang meluluskan undang-undang pentadbiran agama Islam (lihat lampiran 8).

²⁸⁴ Nurul Huda Mohd. Bisri (1990), "Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor Darul Ehsan: Tinjauan Dari Sudut Sejarah" (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 40

²⁸⁵ *Ibid.*, h. 41

²⁸⁶ Zakat dan fitrah di Selangor dikutip hanya pada tahun 1953 selepas Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Selangor diluluskan pada tahun 1952. Undang-undang ini memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Selangor untuk mengutip zakat dan fitrah. Sebelum ini zakat dibayar kepada imam-imam masjid dan tidak dikutip secara sistematik, menyebabkan agihan zakat tidak dapat diberikan kepada golongan yang benar-benar memerlukan – lihat Abdul Azizi b. Mohd. Yasin (1957), "Zakat: A Perspective on Its Origin and Place in Malay Society" (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Singapura), hh. 11 dan 20

²⁸⁷ Sel. Sec. 2322/1951

²⁸⁸ *Ibid.* - Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor ini bermodelkan Rang Undang-undang Negeri Kelantan tetapi Selangor telah mendahuluinya dalam perlaksanaan; lihat juga Nurul Huda Mohd Bisri (1990), *Op.cit.*, hh. 44-45

Ini semua adalah kerana keprihatinan dan kesungguhan Sultan Hisamuddin Alam Shah untuk memastikan agama Islam terus terpelihara walaupun bertembung dengan arus permodenan yang berlawanan dengan Islam.

4.2.3. Kesultanan Melayu-Bugis dan Perkembangan Pendidikan Islam

Peranan Kesultanan Melayu-Bugis juga amat besar dalam bidang pendidikan di Selangor di era penjajah. Di antara Sultan-sultan Selangor yang aktif dan prihatin terhadap pendidikan rakyatnya khususnya orang-orang Melayu ialah Sultan Alaeddin Sulaiman Shah dan Sultan Hisamuddin Alam Shah. Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah pula hanya sebagai boneka sahaja kerana kuasa pemerintahan dan eksekutif dipegang oleh pemerintahan Jepun.

Sultan Alaeddin Sulaiman Shah, sejak menyandang jawatan Raja Muda lagi baginda begitu aktif dan bertanggung jawab mendorong rakyat (ibu bapa) menyekolahkan anak-anak mereka di sekolah Melayu. Pada tahun 1892, baginda menubuhkan sebuah sekolah Melayu di Bandar, Langat. Sekolah ini dibina atas biayaan peribadi baginda²⁸⁹ dan menerima kemasukan murid-murid lelaki yang berusia antara 6-16 tahun.²⁹⁰ C.H.A Turney iaitu Senior District Officer di Langat sendiri menyatakan kekaguman beliau terhadap kesungguhan Raja Muda Sulaiman

²⁸⁹ AR 1892, h. 21

²⁹⁰ SGG 25 Nov. 1892, h. 880

membangunkan sekolah di samping membiayai segala perbelanjaan termasuk gaji guru, pembelian perabot sekolah serta buku-buku.²⁹¹

Pada 1896 Raja Muda Sulaiman telah menubuhkan pula sekolah Melayu pertama untuk kanak-kanak perempuan juga di Bandar, Langat. Baginda telah mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa untuk menerangkan kepentingan pendidikan bagi anak-anak perempuan mereka.²⁹² Antara mata pelajaran yang diajar ialah pengajaran al-Quran, kerja tangan, ekonomi rumah tangga dan asas pengiraan.²⁹³ J.P Roger, Residen British di Selangor ketika itu, dalam laporannya mencatatkan,

“ The Venacular girl’s school at Bandar, Langat which was established under the auspices of the Raja Muda has done good work in the district...”²⁹⁴

Ramli Saadon berpendapat, di Sekolah Melayu Perempuan Bandar ini, pendidikan yang ditekankan ialah pendidikan agama Islam memandangkan Raja Muda Sulaiman lebih cenderung kepada Islam.²⁹⁵ Baginda juga tidak keberatan menghadiri majlis penyampaian hadiah di kedua-dua sekolah itu²⁹⁶ atau hari sukan di sekolah lelaki Bandar.²⁹⁷ Sikap baginda terhadap pelajaran dan pendidikan untuk

²⁹¹ *Ibid.*

²⁹² SSF (BRO) No. 4217/1895 – A letter from Inspector of schools to the Government Secretary dated 15th August 1895.

²⁹³ SGG 3 Julai 1896, h. 459; FMS Annual Report 1896, h.19; Tengku Ampuan Jama'ah isteri kepada Sultan Hisamuddin Alam Shah ialah salah seorang murid di sekolah Melayu Perempuan Bandar ini – lihat *Istiadat Bersiram Tabal dan Kemahkotaan DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan YMM Tengku Rahimah Aziz pada 28 Jun 1961*, dicetak oleh Caxton Stationers Bhd. Klang, (t.t) h. 107

²⁹⁴ FMS Annual Report, Kuala Lumpur, 2 April 1897, h. 10

²⁹⁵ Ramli Saadon (1988/89), “Sejarah Kuala Langat: Kajian Beberapa Aspek Penting”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya), h.42

²⁹⁶ SGG 25 Mei 1894, h. 290 – di sekolah lelaki Bandar ; SGG 3 Julai 1896, h. 460 – di sekolah perempuan Bandar.

²⁹⁷ The Selangor Journal, 16 Jun 1893, h. 317

kedua-dua jantina, telah berjaya meningkatkan tahap pendidikan masyarakat Melayu ke tahap yang lebih tinggi dan secara tidak langsung menggalakkan pembinaan lebih banyak sekolah venakular di seluruh Selangor.

Baginda berfikiran terbuka dan berpandangan jauh, baginda berpendapat hanya melalui pendidikan sahaja kedudukan dan kuasa pentadbiran dalam negeri dapat dikembalikan walau tidak sepenuhnya. Putera-putera raja dan anak-anak pembesar khususnya perlu menguasai teknik-teknik moden dalam pemerintahan. Oleh kerana itu putera-putera baginda seperti Tengku Alam Shah yang kemudian bergelar Sultan Hisamuddin Alam Shah, selepas bersekolah di sekolah Melayu Bandar kemudian dihantar ke Malay College Kuala Kangsar (1905)²⁹⁸, sekolah khas untuk anak-anak aristokrat Melayu yang ditubuhkan oleh Inggeris bagi melatih mereka yang bakal mentadbir negeri masing-masing.²⁹⁹ Di Kuala Lumpur telah pun didirikan sebuah sekolah Inggeris iaitu Victoria Institution (1894) tetapi ia terbuka kepada semua golongan yang mempunyai tujuan yang hampir sama iaitu lülusan dari sekolah ini dapat mengisi jawatan seperti kerani, guru atau juruteknik.³⁰⁰

Sebenarnya sekolah agama telahpun wujud di Langat sebelum kedatangan dan semasa penjajah Inggeris di Selangor tetapi sekolah agama ini didirikan atas usaha persendirian atau sumbangan rakyat (sekolah agama rakyat).³⁰¹ Sebagai Sultan

²⁹⁸ Mohd. Yusoff Hashim (1985), *op.cit.*, h. 40 – Baginda dilantik sebagai Raja Muda Selangor pada 20 Julai 1936 dan Sultan Selangor menggantikan ayahandanya pada 4 April 1938; menurut Rex Stevenson, sekolah untuk anak-anak raja ialah The Selangor Raja School yang dibuka pada Disember 1890, bukan Malay College Kuala Kangsar - lihat Stevenson R (1968), "The Selangor Raja School" JMBRAS, Vol. 41, Pt.1, hh. 183-192

²⁹⁹ Gullick J.M(1960), *A History of Selangor 1742-1957*. Singapore: Eastern University Press Ltd, h. 102

³⁰⁰ *Ibid.*, h.103

³⁰¹ Ramli Saadon (1988/89), *Op.cit.*, hh. 43-44

di bawah kekuasaan Inggeris, mahu tidak mahu baginda terpaksa akur dengan semua dasar Inggeris termasuklah dasar pendidikan venakular. Walaupun begitu Sultan Alaeddin Sulaiman Shah tetap mendesak pihak pentadbir Inggeris supaya diadakan pengajaran agama Islam bagi kanak-kanak Islam yang belajar di sekolah Melayu. Keinginan baginda ini disuarakan semasa mengadakan pertemuan dengan sekumpulan guru-guru pelawat pada tahun 1933. Akhirnya Jabatan Pendidikan telah menetapkan bahawa semua guru Melayu memberi pengajaran agama Islam selama setengah jam setiap hari selepas selesai kerja-kerja sekolah berbentuk venakular – pengajaran agama Islam ini tidak termasuk pengajaran bacaan al-Quran di mana ibu bapa sendiri dikehendaki mencari alternatif lain.³⁰² Buku teks untuk tujuan itu dikarang dan disusun oleh Sheikh al-Islam Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman yang berjudol Kitab Pelajaran Bersuci dan Sembahyang Fardu Yang Lima. Di dalam kitab ini terdapat gambar Sultan Alaeddin Sulaiman Shah sedang membaca khutbah di atas mimbar.³⁰³

Pada tahun 1933 juga sebuah sekolah arab/agama telah ditubuhkan atas biayaan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah bernama Marta' al-Ulumuddiniah. Guru Besar sekolah ini ialah Sheikh al-Islam Selangor iaitu Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman.³⁰⁴ Beliau dibantu oleh guru-guru agama dan satu

³⁰² Selangor Annual Report 1933, h.37-38 dan 80; FMS Annual Reports (Education Department) 1933, h. 28

³⁰³ Wan Mohd Shagir Abdullah, "Tengku Mahmud Zuhdi" *Dakwah*, September 1991, h. 111- menurut artikel ini, kitab ini dicetak oleh Danyu Klang Press, 18 Rabiulakhir 1349/1930H; maklumat ini juga diperolehi daripada artikel ringkas "Warisan Sejarah Di Kuala Langat", Persatuan Sejarah Kawasan Kuala Langat yang penulis perolehi daripada Muzium Selangor, menurut artikel ini ia dicetak pada 30 Rabiulakhir 1349/1930 dan dikarang oleh Al-Hafiz Mahmud bin Tengku Abdul Rahman, penulis berpendapat pengarang buku itu ialah orang yang sama iaitu Tengku Mahmud Zuhdi.

³⁰⁴ Sumali Amat(1985), "Perkembangan Sistem Pengajian Islam di Selangor", dalam Khoo Kay Kim et al. (ed), *Selangor: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, h. 36

jawatankuasa khas terdiri dari kerabat Diraja Selangor di mana Tengku Alam Shah yang ketika bergelar Tengku Laksamana sebagai Yang Dipertuanya.³⁰⁵

Sekolah ini menggalakkan murid-muridnya mempelajari, menulis dan bertutur bahasa Arab. Pada tahun 1937 Guru Besar sekolah itu Abdul Aziz Ashimi al-Masri telah menganjurkan satu sistem ajaran yang meliputi peringkat Ibtidai (rendah) dan Thanawi (menengah) yang disemak dan dipersetujui oleh Sultan Alaeddin Sulaiman Shah namun begitu ia tidak dapat dilaksanakan kerana Abdul Aziz telah tamat perkhidmatannya. Walau bagaimanapun sekolah ini terus maju di bawah tadbir beberapa orang Guru Besar demi meninggikan mutu pelajaran agama dan menjamin murid-muridnya benar-benar dapat menguasai pelajaran agama Islam sepenuhnya. Namun begitu sekolah ini ditutup di zaman pendudukan Jepun.

Zaman pendudukan Jepun adalah zaman yang amat getir bagi ramai rakyat Selangor, semua sekolah arab/agama dan Melayu ditutup kerana semua tenaga yang ada diguna untuk mencari rezeki, murid-murid terpaksa balik ke kampung menolong ibu bapa begitu juga guru-gurunya. Perubahan sosial kesan daripada kemewahan hidup di zaman Inggeris dan kesempitan hidup di zaman Jepun telah merosakkan moral dan akidah rakyat Selangor. Keadaan ini sangat dikhuatiri oleh Sultan Hisamuddin Alam Shah.

Setelah diangkat semula sebagai Sultan Selangor oleh Inggeris yang kembali semula ke Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah, Sultan Hisamuddin yang mementingkan kebajikan dan akidah rakyatnya, baginda berazam untuk

³⁰⁵ Sejarah Kenangan DYMM Sultan Selangor, *Op.cit.*, h. 3

membetulkan keadaan itu selain memperbaiki sistem pentadbiran hal ehwal Islam seperti yang telah diterang sebelum ini, baginda berazam untuk menyambung cita-cita yang diasaskan oleh ayahanda baginda semasa hayatnya hendak mengadakan sebuah sekolah menengah agama di Selangor yang mana antara tujuannya lulusan daripada sekolah ini boleh diambil sebagai kadi, imam dan guru-guru agama untuk negeri ini.

Oleh itu baginda berazam untuk mewakafkan semua kawasan istana Jamai'ah (istana tempat baginda dan keluarga semasa menjadi tahanan Jepun) termasuk bangunan istana untuk dijadikan sekolah sebagaimana yang dicita-citakan.³⁰⁶ Pada tahun 1947, baginda telah mewakafkan istana baginda itu kepada Madrasah Othmaniah, murid-murid lelaki ditempatkan di bahagian hadapan istana dan dinamakan Madrasah Marta' al-Ulumuddiniah dan murid perempuan ditempatkan di bahagian tengah dinamakan Raudzah Hisamus Syariah.³⁰⁷

Kemudian daripada itu baginda telah mengadakan satu mesyuarat yang dihadiri oleh orang Melayu yang bijak pandai, hartawan dan alim ulama dalam negeri Selangor termasuk Tengku Mahmud Zuhdi Sheikh al-Islam Selangor membincangkan hajat baginda hendak mengadakan sekolah tinggi bagi melatih kadi-kadi dan guru-guru agama. Mesyuarat itu tidak bersetuju dengan syor tersebut kerana ahli mesyuarat berpendapat bahawa pengendalian sekolah seperti itu

³⁰⁶ Sejarah Kenangan DYMM Sultan Selangor, *Op.cit.*, hh. 11-12

³⁰⁷ *Ibid.*, lihat juga Mazora bt. Md. Pol (1992/93), "Pembelajaran Tafsir di Kalangan Murid-murid Sekolah Menengah Tinggi: Tinjauan Khusus di Sek. Agama Menengah Tinggi Hisamuddin Klang Selangor Darul Ehsan" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya), h. 82, maklumat yang sama diperolehi daripada wawancara penulis dengan Hj Ghazali Hj Siraj, bekas murid sekolah ini (sebelum diambilalih menjadi Kolej Islam Malaya) di rumahnya di Jalan Sg. Udang Klang, pada 4 Feb. 2003, jam 11.30 pg

memerlukan perbelanjaan yang sangat besar setiap bulan, sedangkan baginda hanya mampu mengurniakan RM1000.00 sahaja sebulan.³⁰⁸

Namun begitu hasrat hati baginda untuk mewakafkan istana itu akhirnya dikabulkan Allah apabila pada masa yang sama, seorang hartawan dari Singapura iaitu Dato' Syed Ibrahim Omar al-Sagof yang sedang berusaha mencari tempat yang sesuai untuk mendirikan sebuah Kolej Islam Malaya – sebuah institusi pengajian tinggi Islam untuk masyarakat Islam di Tanah Melayu. Idea menubuhkan sebuah Kolej Islam Malaya ini telah mendapat sokongan daripada semua umat Islam di Tanah Melayu dan Singapura.³⁰⁹

Hisamuddin Alam Shah dan dengan sukacitanya Sultan mewakafkan bangunan istana Jama'iah itu bersama tanah kawasannya menjadi kampus Kolej Islam Malaya yang telah dibuka secara rasmi pada 8 April 1955 (sekarang kolej ini dikenali sebagai Kolej Islam Sultan Alam Shah yang merupakan sebuah sekolah agama berasrama penuh (lihat lampiran 4) dan Kolej Islam Malaya telah dipindahkan ke Bangi sebagai Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia sejak tahun 1970).³¹⁰ Baginda sendiri berhasrat agar kolej ini akan dapat melahirkan ulama-ulama Islam yang bertakwa kepada Allah serta dapat pula menghapuskan

³⁰⁸ Sejarah Kenangan DYMM Sultan Selangor, *Op.cit.*, h. 12

³⁰⁹ _____, "Rombongan Khas Penaja Kolej Islam Se-Malaya Menghadap Sultan Selangor", *Akhbar Majlis*, 4 Disember 1949

³¹⁰ Abdul Talib bin Hamid (2001), "Kolej Islam Malaya: Analisis Sejarah Penubuhan dan Pentadbiran Awal 1955-1965" (Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya), h. 69-72; Abdul Manaf bin Hj Ahmad (Yang Dipertua Persatuan Bekas Siswa Kolej Islam Malaya), "Muslim College Malaya 1955-1970: Sejarah dan Masa Depan", Kertas Kerja dalam Mesyuarat Agong PBSKIM, pada 10 Julai 1999 di Kota Bharu, Kelantan.

segala bentuk jahiliyah dan kekufuran yang ada.³¹¹

Sebagaimana diketahui para sultan di negeri-negeri Melayu sentiasa didampingi golongan ulama, begitu juga Sultan Alaeddin Sulaiman Shah malah baginda sendiri yang menjemput tokoh ulama ini untuk berkhidmat di Selangor sebagai Sheikhul Islam memandangkan kemasyhuran dan kealiman Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman³¹². Satu-satunya orang yang menyandang gelaran itu dalam kerajaan Selangor mulai tahun 1935-1952³¹³. Beliau bertugas menasihati Sultan juga ahli-ahli Majlis Agama Islam Selangor dan sentiasa bersama baginda Sultan menyumbang idea dan tenaga untuk meninggikan syiar Islam di Selangor.

Sifat Sultan Alaeddin Sulaiman Shah menyintai golongan ulama (*hubbul ulama*) itu jelas menunjukkan komitmen baginda untuk melihat Islam sentiasa subur di dalam diri setiap rakyat negeri Selangor walaupun mendapat tekanan daripada pihak penjajah. Apabila sultan (umara) menggunakan konsep *hubbul ulama* ini akan wujud keserasian dan ketenteraman dalam masyarakat dan secara tidak langsung agama Islam dapat berkembang dengan baik.

Sifat *hubbul ulama* ini juga diwarisi oleh anakanda baginda Sultan Hisamuddin Alam Shah di mana baginda juga telah melantik Hj Mohd. Said bin

³¹¹ Petikan titah ucapan Sultan Hisamuddin Alam Shah, di dalam Buku Penerangan Kolej Islam Sultan Alam Shah Klang (t.t), h. 2

³¹² Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman salah seorang kerabat Diraja Patani yang berasal dari Jambu. Beliau salah seorang pengajar di Masjid al-Haram Mekah, disebabkan berlaku perubahan pimpinan disana yang dikuasai oleh golongan Wahabi, beliau terpaksa keluar dari Mekah dan pergi ke Singapura seterusnya ke Jambi- lihat Wan Saghir Abdullah (1991), *Op.cit*., hh. 109 -110

³¹³ SSF No. 392A/52

Subuh sebagai imam dan guru di istana pada 1 Januari 1952.³¹⁴ Menurut YM Raja Abdul Hamid bin Raja Nong iaitu YDM Engku Maha Kurnia Bijaya – Penghulu adat istiadat istana Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin Alam Shah menyediakan guru agama untuk puteri-puteri baginda yang belum berkahwin di surau dalam kawasan Istana Alam Shah Klang.³¹⁵

Selain itu, Sultan Hisamuddin juga telah melantik Hj Ismail Tamim Abdul Aziz (kemudian bergelar Dato') seorang pakar ilmu tarannum al-Quran dari Mekah sebagai imam di Masjid Jamiur Rahmah Klang (sebenarnya kedatangan beliau ke Selangor adalah atas permintaan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah pada tahun 1937 untuk mengajar al-Quran). Kedatangan beliau telah membawa era baru dalam perkembangan lagu-lagu al-Quran di Selangor.³¹⁶

³¹⁴ SSF No. 269/52

³¹⁵ YM Raja Abdul Hamid bin Raja Nong ialah anak kepada Raja Nong bin Raja Husin Setiausaha Jabatan hal Ehwal Islam Selangor yang pertama pada tahun 1945; wawancara bersama beliau pada 14 Mac 2002 di pejabat beliau di Pejabat Istana Alam Shah Klang., jam 10.00 pagi.

³¹⁶ Dato' Hj Ismail Tamim Abdul Aziz berasal dari Bentan Indonesia dan kemudian keluarganya berhijrah ke Mekah dan menetap di sana. Pada tahun 1950 beliau telah pulang semula ke Mekah dan dalam tahun 1986 semasa pemerintahan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, beliau telah dijemput semula ke Selangor untuk mengembangkan lagi pengajian al-Quran – maklumat hasil wawancara dengan Dato' Hj Hassan Hj Azhari, tokoh lagu-lagu al-Quran di Malaysia dan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 2002 yang juga murid beliau, wawancara di rumahnya di Tmn Keramat, pada 12 Feb. 2002, jam 3.00 ptg.

Sifat hubbul ulama inilah juga yang telah mendorong Sultan Alaeddin Sulaiman Shah mewakafkan tanah seluas 13 ekar di Batu 8 Kg. Sungai Cincin, Gombak³¹⁷ (9 ekar untuk masjid dan 4 ekar lagi untuk penempatan penduduk) kepada Syeikh Muhammad Nor bin Naim Al-Kholidi semasa pemerintahan baginda (mungkin sekitar tahun 1920an). Syeikh Muhammad Nor Al-Kholidi ini ialah pengamal Tarekat Naqsyabandiah dan telah memajukan tapak perkampungan itu sebagai sebuah perkampungan berteraskan syariat Islam (lihat lampiran 5).

4.2.4. Kesultanan Melayu-Bugis Dalam Menyemarakkan Syiar Islam

Salah satu peranan Kesultanan Melayu-Bugis yang penting terhadap perkembangan Islam di Selangor ialah melalui meninggikan syiar Islam terutamanya inisiatif Sultan membina masjid untuk kepentingan bersama atau tugas rasmi baginda merasmikan masjid-masjid yang dibina atas peruntukan kerajaan negeri.

Sultan Alaeddin Sulaiman Shah memang terkenal seorang sultan yang warak dan berkelayakan untuk menyampaikan khutbah Jumaat. Baginda telah membina sebuah Masjid Alaeddin di Bandar, Langat pada tahun 1918 dan telah dirasmikan pada 1926 (lampiran 6). Pembinaan masjid ini sepenuhnya atas pembiayaan baginda sendiri. Sekarang masjid ini dinamakan Masjid Diraja Alaeddin Sulaiman Shah.³¹⁸

³¹⁷ Sekarang tanah yang diwakafkan itu merupakan tanah kerajaan yang digazete sebagai tanah rezab masjid – no. Lot 2197 dan Lot 2968, dan bebas daripada cukai – maklumat hasil wawancara bersama dengan En. Mohd. Radzi bin Mohd Tahir, Tok Empat Kg. Sungai Cincin Gombak dan cucu kepada Syeikh Muhammad Nor Al-Kholidi, di rumahnya pada 16 Mac 2002, jam 5.00ptg lihat juga Abdul Ghani Said (1998), *7 Wali Melayu*. c.5. Kuala Lumpur: Mahbook Publications, hh. 88 –100

³¹⁸ Warisan Sejarah Daerah Kuala Langat, *Loc.cit.*

Seni bina masjid ini bercirikan seni bina Asia Barat (Moor/Turki) juga adalah ilham baginda yang memang mahir dalam seni lukis dan ukiran.³¹⁹ Baginda sering bersolat Jumaat dan membaca khutbah Jumaat di masjid ini walaupun istana rasmi baginda dan pusat pentadbiran negeri telah berpindah ke Klang.³²⁰

Sepanjang bulan Ramadhan menjadi amalan baginda menghidupkannya dengan amalan yang berfaedah. Baginda menjemput sekumpulan qari untuk mengaji al-Quran di dalam istana dan bersolat tarawih diketuai oleh Imam Syeikh Paduka Tuan Amin. Jemaah ini diberi saguhati dan dijamu pada waktu berbuka dan bersahur.³²¹

Sultan Alaeddin Sulaiman Shah juga telah mengadakan suatu peraturan yang dinamakan Peraturan Nasihat Bagi Ikatan Raja-raja dan Panduan Orang-orang Besar digunakan pakai di dalam negeri Selangor Darul Ihsan. Peraturan ini dikuatkuasakan pada 13 Muharam 1347 bersamaan dengan 2 Julai 1928. Di dalam peraturan ini, terkandung di dalamnya nasihat-nasihat dan peringatan yang disertakan dengan dalil-dalil yang diambil daripada ayat-ayat al-Quran supaya Orang-orang Besar di negeri Selangor itu sentiasa amanah dan patuh kepada perintah Allah dalam menjalankan tugas.

³¹⁹ Daeng Abdul Hamid Ibni Daeng Hasib, *Op.cit.*, h. 6

³²⁰ Khoo Kay Kim dan Paiman Keromo (1981), *Selangor Darul Ehsan Satu Persepsi Sejarah*. Shah Alam: Muzium Negeri Selangor Darul Ehsan, h. 30

³²¹ Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Said, *Op.cit.*, h. 77

Stia “I” dalam peraturan ini menyatakan

“Maka handak-lah bertolongan atas sama² sepekerja-an daripada ka’susah-an-nya atau ka’dza-ipa-nya menolong atas yang demikianitu dan handak-lah mengikot jalan adap ber-saudara dan adap ber-sa-habat dan adap jiran ya’ni adap sama sa-kampong,”

PER-MAN ALLAH TA’ALA

(وتعاونوا على البر والتقوى ولا تعاونوا على الأثم والعدوان)

Artinya ber-tolongan kamu atas kebajikan dan takut akan Allah dengan memelihara segala suroh tegah-nya dan jangan bertolong-an kamu atas ber-buat dosa dan setru.³²²

Di sini jelas menunjukkan ketakwaan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah, bukan itu sahaja baginda turut menitahkan supaya pembesar negeri juga turut mengamalkan sifat tersebut dalam diri masing-masing terutama ketika menjalankan tugas.

Pepatah Melayu mengatakan “ke mana tumpah kuah kalau tidak ke nasi” itulah yang boleh kita gambarkan keperibadian Sultan Hisamuddin Alam Shah. Baginda begitu cenderung dan berminat kepada hal ehwal Islam sebagaimana ayahanda baginda. Sewaktu baginda bergelar Tengku Panglima Raja Selangor, baginda telah dilantik sebagai ketua Masjid Alaeddin Bandar, Langat. Dengan inisitif baginda, didirikan satu syarikat untuk menjaga dan memelihara harta masjid itu.³²³ Jika tidak kerana berakhlak mulia dan cenderung kepada Islam tidak mungkin baginda dilantik untuk jawatan itu sedangkan ramai lagi putera-putera Sultan Alaeddin Sulaiman Shah.

³²² (1930), Per-atoran Nasihat Bagi Iatan Raja-raja dan Panduan Orang² Besar akan di-amalkan di-dalam Negeri Selangor. Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Press, hh. 1-2.

³²³ Sejarah Kenangan DYMM Sultan Selangor (1959), *Op.cit.*, h. 3

Sultan Hisamuddin Alam Shah juga banyak memberi derma untuk masjid-masjid di negeri Selangor dan dermanya yang paling banyak ialah untuk Masjid Jamek Alam Shah, Pudu dan Masjid Jama'iah Morib, Kuala Langat (sekarang ia dikenali hanya sebagai Masjid Morib sahaja). Masjid ini dibina semasa dengan pembinaan Istana Pantai Morib sekitar tahun 1955 setelah Sultan Hisamuddin bermuafakat dengan para penduduk kariah itu. Ia kemudiannya dirasmikan pada tahun 1959 (lampiran 4).³²⁴

Masjid Jama'iah ialah wakaf daripada YMM Tengku Ampuan Jama'ah sendiri oleh kerana mengambil khairat wakaf Tengku Ampuan itu maka masjid ini dinamakan Masjid Jama'iah. Pembinaan masjid ini berjumlah RM80,000.00, Sultan Hisamuddin telah menderma sebanyak RM40,000.00 dan RM40,000.00 lagi oleh Kerajaan Negeri Selangor. Keistimewaan masjid ini ialah diadakan ruang khas untuk kaum wanita (sebelum ini masjid-masjid tidak menyediakan tempat khas untuk wanita).³²⁵

Selain menghulurkan bantuan derma untuk pembinaan masjid, antara tugas seorang sultan dan ketua agama Islam ialah melawat dan juga merasmikan masjid-masjid. Sebagai contoh Sultan Alaeddin Sulaiman Shah merasmikan Masjid Jamiur Rahmah (lihat lampiran 6) iaitu masjid negeri Selangor yang terletak di Klang pada 1934.³²⁶ Manakala Sultan Hisamuddin Alam Shah telah merasmikan sebuah masjid

³²⁴ *Ibid.*, h. 7

³²⁵ *Ibid.*,

³²⁶ Daeng Abdul Hamid Ibni Daeng Muhammad Hasib, *Op.cit.*, h. 32

yang baru dibina di Parit 6, Sabak Bernam sempena lawatan baginda ke sana pada September 1951.³²⁷

Daripada data-data yang penulis nyatakan, jelas terbukti bahawa Kesultanan Melayu-Bugis daripada Raja Lumu/Sultan Salehuddin iaitu pengasas kerajaan ini di Selangor (era pemerintahan mutlak kesultanan ini) sehinggalah kepada Sultan Hisamuddin Alam Shah iaitu sehingga tahun 1957 sebelum Selangor bersama Tanah Melayu merdeka (era Kesultanan Melayu-Bugis di bawah kuasa penjajah), semua Sultan Selangor ini telah memainkan peranan yang besar terhadap perkembangan dan pemantapan agama Islam di negeri Selangor.

Kejayaan Kesultanan Melayu-Bugis melaksanakan peranannya sebagai ketua agama Islam di negeri ini adalah atas kerjasama dan nasihat golongan ulama khususnya dalam bidang pendidikan. Ini adalah kerana para Sultan Selangor ini sentiasa didampingi oleh golongan ulama. Namun begitu ulama-ulama ini bukanlah golongan cendekiawan tempatan tetapi ini dijemput dari luar.

³²⁷ SSF No. 2182/1951, Enclosure No.20A – Laporan oleh En. Annuar bin L.A Shukor, pemangku A.D.O. Sabak Bernam.